

فتيقن تيتا

PETIKAN TITAH

“KECEMERLANGAN ekonomi adalah menjadi kriteria yang paling mustahak di kalangan negara-negara yang berkerjasama dan berganding bahu itu, melebihi dari perhitungan dan perkiraan politik, kerana kebanyakan negara telah menyedari betapa kerjasama dalam bidang ekonomi itu menjadi asas utama kepada kebajikan dan kesejahteraan dunia sejagat.”
- Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 1997 pada 1 Januari 1997.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“SESUNGGUHNYA orang-orang yang takut melanggar hukum Tuhan-Nya semasa mereka tidak dilihat orang dan semasa mereka tidak melihat Tuhan, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar.”
- (Surah Al Mulk ayat 12).

TAHUN 58 / BILANGAN 101

24 OGOS 2013 / 1434 شوال 16

EDISI SABTU / PERCUMA

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Daripada: Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan dan Jabatan Percetakan Kerajaan Jabatan Perdana Menteri

DARUTTAQWA TLDB tingkat keupayaan pertahanan

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan
Haji Tengah
dari Berne, Bremen,
Republik Persekutuan Jerman

BERNE, BREMEN, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Khamis, 22 Ogos. - Dalam menjana keselamatan perairan negara dan teluk rantau, kemampuan untuk terus memantau dan bertindak bagi sebarang ancaman ke atas laluan dan aset ekonomi di perairan bukan sahaja memerlukan perkapalan dan sistem persenjataan yang canggih, malahan kewibawaan dan semangat waja anggota-anggota yang diberikan amanah.

Sehubungan itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Leftenan Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran dan Penamaan Kapal Terbaru Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapal Peronda DARUTTAQWA, di limbungan Syarikat Pembinaan Kapal Luerssen, Berne, Niedersachsen, Republik Persekutuan Jerman, di sini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di limbungan kapal tersebut dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Panglima Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Abdul Jalil bin Haji Ahmad; Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Halim bin Haji Mohd. Hanifah, dan Pengarah Urusan Syarikat Pembina Kapal Luerssen, Tuan Peter Luerssen.

Ke muka 3

KELUARAN KHAS



SEMPENA MESYUARAT-MESYUARAT
AEM, TPP DAN BERKAITAN

Berkenan menerima mengadap Ketua-Ketua Delegasi ahli TPP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri-Menteri dan Ketua-Ketua Delegasi negara-negara ahli Trans-Pacific Partnership (TPP) yang menghadiri Mesyuarat TPP. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan dalam Keluaran Khas).

Pengurusan CBRNE perlu latihan berterusan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

TUNGKU, Jumaat, 23 Ogos. - Bengkel Pengurusan Kesan Bahan Kimia, Biologi, Radioaktif, Nuklear dan Bahan Letupan (CBRNE) tepat pada masanya sebagai persediaan negara ini selaku tuan rumah yang akan menganjurkan pelbagai acara antarabangsa termasuk Sidang Kemuncak pemimpin - pemimpin ASEAN pada penghujung tahun ini di Negara Brunei Darussalam. Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana

Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji A. Rashid menyatakan perkara itu semasa berucap pada Majlis Penutup Bengkel Pengurusan CBRNE anjuran bersama Bahagian Keselamatan dan Penguatkuasaan, JPM dan Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam, berlangsung di Dewan Penghayatan, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), di sini. “Semalam kita dapat menyaksikan acara kemuncak

latihan bertempat di Penanjong Kem. Ia adalah satu demonstrasi penting untuk menguji kesediaan dan keupayaan tindak balas pasukan dalam menghadapi kejadian CBRNE.

“Paling penting sekali ia membolehkan tindak balas kakitangan daripada agensi-agensi masing-masing untuk menjalankan penyela-rasan pembinaan pasukan. Ini adalah merupakan inti pati ke arah membina keyakinan dalam persediaan kita menghadapi insiden tersebut,”

ujarnya.

Beliau juga menekankan kepentingan latihan bagi dimensi ini dalam memajukan keupayaan berhubung dengan

persiapan dan kesediaan dalam bidang pengurusan ancaman dan bertindak balas terhadap kejadian CBRNE.

Ke muka 12

DI DALAM



Muka 3
DARUTTAQWA TLDB
tingkat keupayaan pertahanan

Wujudkan sinergi baru dalam ekonomi global

Bismillahir
Rahmanir Rahiim

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah Rabbil
'Aalameen, Wabihee
Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidinaa Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du

BETA mengalu-alukan kehadiran delegasi ke Negara Brunei Darussalam bagi Sidang Kemuncak Perdagangan dan Pelaburan ASEAN Ke-10.

Tema pada tahun ini amat bertepatan dengan tema Sidang Kemuncak ASEAN, iaitu mengukuhkan peranan penting yang dimainkan oleh sektor-sektor swasta dalam pertumbuhan masa depan ASEAN.

Kerajaan-kerajaan ASEAN adalah komited dalam memberi kemudahan bagi perdagangan dan beta melihat awda semua sebagai rakan kongsi yang penting dalam usaha untuk memupuk persekitaran yang stabil dan dapat diramal serta selamat di mana awda boleh beroperasi dan berkembang maju.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini negara-negara ASEAN telah pulih daripada krisis kewangan global yang telah diadaptasikan dengan realiti ekonomi baru.

Rantau ini telah melaksanakan dengan baik pada masa-masa yang tidak tentu dan sentimen pelabur kekal positif.

Melihat hadapan kita masih komited untuk meningkatkan daya tahan melalui integrasi ekonomi yang mendalam, kewangan yang kukuh, keselamatan makanan dan tenaga, dan yang lebih penting, mengembangkan kesalinghubungan melalui Pelan Induk yang akan direalisasikan pada tahun 2015.

Kerjasama ekonomi serantau merupakan tonggak utama dalam agenda ASEAN, yang mengukuhkan matlamat utama kita untuk mewujudkan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang 2015.

Kita akan terus mengambil inisiatif baru yang menyokong perniagaan, terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), dengan menangani halangan kepada penyertaan dan meningkatkan pergerakan perniagaan.

Penglibatan aktif serantau

dengan ekonomi utama juga memainkan peranan penting dalam memastikan ASEAN kekal satu bahagian yang penting dalam ekonomi global.

Sehingga hari ini, kita telah menyempurnakan perjanjian perdagangan bebas dengan Australia dan New Zealand, Republik Rakyat Cina, Jepun dan Korea, dan juga India yang telah mewujudkan peluang-peluang baru untuk mengembangkan rangkaian perniagaan dan perdagangan.

Baru-baru ini kita telah mengadakan rundingan untuk perjanjian perdagangan yang lebih meluas dan maju dalam cadangan kerjasama Regional Comprehensive Economy Partnership, yang akan membawa rakan F.T.A kita kepada satu kawasan perdagangan bebas, dan memastikan integrasi ekonomi yang lebih erat di Asia Timur.

Beta menyeru semangat kerjasama dan persahabatan komuniti perniagaan yang hadir pada hari ini untuk merebut peluang yang disediakan di bawah perjanjian-perjanjian ini, dan seterusnya untuk mewujudkan sinergi baru dalam ekonomi global.

Usaha-usaha ASEAN dalam integrasi ekonomi telah membolehkan untuk mewujudkan satu asas yang kukuh dalam ekonomi global dan meningkatkan daya saing sebagai sebuah rantau.

Dalam masa yang sama ASEAN juga menyedari kepentingan dalam memastikan keamanan dan kestabilan yang berterusan di rantau ini sebagai pra-syarat bagi menyokong pertumbuhan dan kemajuan ekonomi.

Hari ini cabaran-cabaran yang berpotensi terhadap ekonomi kita adalah luas dan semakin kompleks.

Misalnya, kita telah melihat bagaimana bencana alam dan wabak penyakit telah memberi kesan terhadap ekonomi di rantau ini.

Kebimbangan mengenai mendapatkan pekerjaan dan makanan telah mengakibatkan pergolakan politik. Di tempat lain sentiment nasionalis telah mengancam keharmonian serantau.

Oleh itu adalah penting bagi ASEAN untuk meningkatkan usaha-usaha pembangunan komuniti dan menyumbang kepada struktur keselamatan serantau secara keseluruhan, terutama dalam mengukuhkan proses serantau seperti Sidang Kemuncak Asia Timur bagi memastikan hubungan yang baik dan konstruktif.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Sidang Kemuncak Perdagangan dan Pelaburan ASEAN Ke-10 Sempena Pembukaan Sidang Kemuncak Perdagangan dan Pelaburan ASEAN Ke-10, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Terjemahan teks asal dalam bahasa Inggeris
Oleh : Hajah Musmariani Haji Mohammad

Dalam hal ini, para pemimpin ASEAN telah mula membincangkan mengenai Komuniti ASEAN 2015 untuk menjangka dan menangani perubahan persekitaran ekonomi dan politik di rantau ini.

Sidang Kemuncak pada bulan Oktober akan memberi peluang kepada para pemimpin untuk mengemukakan agenda ASEAN dalam mengukuhkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau.

Peringkat ini telah dibentuk untuk kemakmuran lanskap perdagangan ASEAN dan perlu melihat ke hadapan untuk lebih mengukuhkan rangkaian dan dialog antara kerajaan dan komuniti perniagaan, terutama melalui perkongsian kerajaan-swasta yang erat yang akan memberikan manfaat dan peluang bagi rantau ini.

Beta percaya sektor swasta dapat memainkan peranan yang penting dalam usaha-usaha ASEAN sama ada melalui projek-projek yang menggalakan penyertaan belia dan wanita dalam ekonomi atau orang-orang yang menangani keperluan prasarana yang memberi manfaat kepada rantau yang memerlukannya. Lagi pula kita mempunyai

kepentingan dalam kejayaan bersama.

Sebagai kerajaan, kita akan terus bekerja keras bagi memastikan awda beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang stabil dan berkembang, dan beta menggesa awda untuk berfikir di luar pemikiran mencari keuntungan dan menggunakan pengalaman dan pengetahuan industri dalam cara yang akan mendokong orang ramai secara keseluruhan, seperti inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup dan mewujudkan peluang-peluang untuk rakyat kita menyumbang ke arah pembangunan ekonomi serantau.

Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN ini menyediakan satu landasan penting dan unik untuk mencapai matlamat ini.

Dalam dua hari yang akan datang di Negara Brunei Darussalam, Beta berharap awda semua akan menggunakan peluang ini untuk bekerjasama antara satu sama lain beserta dengan pihak kerajaan dalam sama-sama mempersiapkan ASEAN menuju ke abad Asia.

Secara kolektif kita boleh memastikan kemajuan dan kemakmuran rakyat dan masa depan kita bersama.

Dari Sidang
Pengarang.

24 OGOS 2013 BERSAMAAN 1434 شوال 16

PKS DIKENAL PASTI MEMBANTU PERTUMBUHAN EKONOMI ASEAN

PERTUMBUHAN dan peningkatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah menjadi pemangkin penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi terutamanya bagi negara-negara yang sedang membangun dalam membantu pertumbuhan ekonomi ASEAN, di samping dapat mengelak kemiskinan berlaku dalam kalangan masyarakat serantau.

Dari itu, PKS perlu diberi perhatian kerana mereka juga berperanan penting dalam ekonomi serantau dan ahli-ahli ASEAN sememangnya sangat komited untuk mencapai kejayaan Komuniti ASEAN 2015.

Perkara ini disokong penuh oleh para pemimpin ekonomi ASEAN dan para delegasi perniagaan dan pelaburan dari negara-negara ASEAN dan negara-negara rakan dialog yang bersidang di negara ini sempena dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN Ke-45 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan iaitu termasuk Sidang Kemuncak Perdagangan dan Pelaburan ASEAN Ke-10.

Memandang akan peranan penting PKS itu dalam pertumbuhan ekonomi serantau, memang sewajarnya ianya diberi perhatian yang serius iaitu bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Sidang Kemuncak Perdagangan dan Pelaburan ASEAN Ke-10 yang mahukan ASEAN akan terus mengambil inisiatif baru yang menyokong perniagaan, terutama PKS, dengan menangani halangan kepada penyertaan dan meningkatkan pergerakan perniagaan.

Dalam hal ini, sebagaimana titah baginda bahawa Kerajaan Negara-Negara ASEAN komited dalam memberi kemudahan perdagangan, kerana ASEAN sendiri melihat bahawa PKS adalah rakan kongsi yang penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi ASEAN dan seterusnya dapat memupuk persekitaran yang stabil, selamat di mana para ahli boleh beroperasi dan berkembang maju. Lebih-lebih lagi sejak beberapa tahun kebelakangan ini negara-negara ASEAN telah pulih daripada krisis kewangan global yang telah diadaptasikan dengan realiti ekonomi baru.

Seruan baginda dalam titah tersebut agar semangat kerjasama dan persahabatan komuniti perniagaan merebut peluang yang disediakan di bawah perjanjian-perjanjian akan dapat mewujudkan sinergi baru dalam ekonomi global dengan satu panduan yang baik, apatah lagi sekarang penduduk ASEAN sama-sama berganding bahu untuk menjayakan Komuniti ASEAN 2015.

Disamping itu, usaha-usaha ASEAN dalam integrasi ekonomi akan berjalan lancar dan seterusnya boleh mewujudkan satu asas yang kukuh dalam ekonomi global dan meningkatkan daya saing sebagai sebuah rantau yang stabil dan maju.

Sidang Kemuncak Perdagangan dan Pelaburan ASEAN Ke-10 yang berlangsung di negara ini juga merupakan platform yang baik yang mana semua pengusaha berkumpul dan berkenalan antara satu sama lain. Di samping ia sangat baik untuk para pengusaha berkenalan dan berbincang kerana para peniaga perlu menjalin hubungan peribadi yang baik sebelum menaruh kepercayaan untuk berurus niaga dan bekerjasama.

Menerusi persidangan yang dihadiri oleh para pengusaha syarikat-syarikat besar dan sebagainya, akan memberi manfaat yang baik buat PKS untuk mereka mendapatkan bantuan daripada pengusaha syarikat besar sama ada dari segi kewangan, teknologi dan pemasaran selain pengusaha kecil juga berpeluang untuk menjadi pembekal kepada syarikat-syarikat besar.

Dengan menyertai persidangan ekonomi ASEAN, akan menambah lagi pengalaman dan membolehkan para peserta berkongsi pendapat dan buah fikiran kepada ahli-ahli yang lainnya. Di samping berbincang mengenai kemajuan dalam integrasi pada kalangan semua negara-negara anggota ASEAN termasuk perdagangan, perkhidmatan dan pelaburan. - **Ketua Penyuntingan.**

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C	24°C	33°C
32°C	24°C	33°C
MUARA		
32°C	24°C	33°C
32°C	24°C	33°C
PEKAN BANGAR		
32°C	23°C	32°C
32°C	23°C	32°C
PEKAN TUTONG		
32°C	25°C	33°C
32°C	25°C	33°C
PEKAN SERIA		
33°C	25°C	33°C
33°C	25°C	33°C
KUALA BELAIT		
33°C	25°C	32°C
33°C	25°C	32°C

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Noorlatini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammad,
Aryentyt Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Mohammad Hamdanajib Haji Domeng,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140


ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

DARUTTAQWA TLDB tingkat keupayaan pertahanan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Leftenan Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai di atas Kapal Peronda DARUTTAQWA.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Leftenan Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan melancarkan dan penamaan kapal terbaru Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapal Peronda DARUTTAQWA, di limbungan Syarikat Pembina Kapal Luerssen, Berne, Niedersachsen, Republik Persekutuan Jerman.

Dari muka 1

Sejurus keberangkatan tiba, YTM dijunjung melawat ke atas Kapal Peronda DARUTTAQWA untuk meninjau perkembangan pembinaan kapal tersebut dan

seterusnya bergambar ramai di kawasan geladak pelantar kapal tersebut.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Majlis Pelancaran dan Penamaan Kapal Peronda DARUTTAQWA yang dimulakan



YTM berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.



YANG Teramat Mulia berkenan menerima pesembah daripada Ketua Pemerhati Projek Laut, Leftenan Kolonel (L) Azlan bin Haji Ahmad.

dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Penolong Ketua Jabatan Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kapten Ariffin bin Amit dan diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Pengarah Urusan Syarikat Pembina Kapal Luerssen, Tuan Peter Luerssen.

Pada majlis tersebut, YTM berkenan mengurniakan sabda pelancaran dan penamaan Kapal Peronda DARUTTAQWA diikuti dengan laungan azan.

Sejurus kapal Peronda DARUTTAQWA diturunkan hingga ke paras air buat pertama kalinya, doa selamat dibacakan oleh Penolong Ketua Jabatan Agama ABDB bagi memohon keberkatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, YTM berkenan menerima Pesembah dan menandatangani Lembaran Kenangan.

Kapal Peronda DARUTTAQWA

akan ditauliahkan ke dalam Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) sebagai kapal peronda luar pantai dan juga berfungsi sebagai kapal logistik dan latihan bagi anggota TLDB.



YTM ketika dijunjung melawat ke atas Kapal Peronda DARUTTAQWA untuk meninjau perkembangan pembinaan kapal tersebut.

Kapal ini mula dibina pada bulan Mei 2012 dan dijangka siap pada bulan Mei 2014 dan merupakan kapal peronda Kelas Darussalam yang berukuran 80 meter dengan berat 1,600 tan dan dilengkapi dengan landasan pendaratan helikopter.

DARUTTAQWA bermakna bahtera yang sentiasa dalam naungan perlindungan kesejahteraan daripada sebarang ancaman dengan benteng dan pemeliharaan dari Allah Subhanahu Wata'ala di mana anak kapal dan penumpangnya sentiasa menjunjung dan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangan agama dengan penuh ketakwaan kepada Allah 'Azzawajalla.

Dengan adanya lagi Kapal Peronda DARUTTAQWA terbaru ini, TLDB kini menambah lagi bilangan kapal peronda barunya selain memiliki Kapal Peronda Luar Pantai daripada Kelas Darussalam yang dinamakan KDB Darussalam, KDB Darulehsan dan KDB Darulaman yang merupakan pengganti kepada kapal-kapal peluru berpandu lama daripada Kelas Waspada yang sudah berkhidmat lebih dari 30 tahun.

Selain daripada kapal peronda yang dimiliki, TLDB juga turut memiliki empat buah Kapal Peronda Laju dari Kelas Ijtihad sepanjang 41 meter iaitu KDB Ijtihad, KDB Berkat, KDB Syafaat dan KDB Afiat yang menggantikan Kapal Peronda Laju dari Kelas Perwira.

Dengan adanya penambahan kapal-kapal baru ini diharap anggota-anggota TLDB akan dapat mempertingkatkan lagi keupayaan mereka dengan ilmu pengetahuan dan aset moden serta canggih, di samping sentiasa berusaha untuk berkembang maju selaras dengan perkembangan Kertas Putih Pertahanan.

Maka anggota TLDB perlu terus memanfaatkan kelebihan dan cabaran peranan yang bakal dan seterusnya akan sentiasa dipikul.

Dengan perolehan peningkatan permodenan kapal yang selaras dengan kehendak dan keperluan membanteras gejala-gejala dan aktiviti menjurus ke arah ancaman ke atas kepentingan negara ini, aset-aset baru tersebut diharapkan dapat menjadi pemangkin serta penghalang dan benteng pertahanan yang kukuh seterusnya peningkatan perkhidmatan dan kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa maritim dan agensi yang lainnya.

Dengan adanya aset-aset ini, TLDB akan terus bersiap siaga menabur baktinya kepada raja, bangsa, agama dan Negara Brunei Darussalam yang tercinta.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Leftenan Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat bagi menerima sembah taklimat projek pembinaan Kapal Peronda DARUTTAQWA yang berlangsung di Bilik Persidangan, Park Hotel, Bremen, Republik Persekutuan Jerman.



YANG Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Santap Tengah Hari yang disebarkan oleh Pengarah Urusan Syarikat Pembina Kapal Luerssen, Tuan Peter Luerssen sejurus selepas taklimat.

BERNE, BREMEN, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Khamis, 23 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Leftenan Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat bagi menerima sembah taklimat projek pembinaan Kapal Peronda DARUTTAQWA yang berlangsung di Bilik Persidangan, Park Hotel, Bremen, Republik Persekutuan Jerman, di sini.

Taklimat mengenai sejarah dan perkembangan pembinaan kapal berkenaan disebarkan oleh Pengarah Urusan Syarikat Pembina Kapal Luerssen, Tuan Peter Luerssen, diikuti dengan taklimat keanggotaan dan latihan anak-anak Kapal Peronda DARUTTAQWA yang disebarkan oleh Ketua Pemerhati Projek Laut, Leftenan Kolonel (L) Azlan bin Haji Ahmad.

Sejurus selepas taklimat selesai dan sebelum berangkat ke Majlis Pelancaran dan Penamaan Kapal

Terbaru Tentera Laut Diraja Brunei, (TLDB) Kapal Peronda DARUTTAQWA, di limbungan Syarikat Pembina Kapal Luerssen, Berne, Niedersachsen, Republik Persekutuan Jerman, Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Santap Tengah Hari yang disebarkan oleh Pengarah Urusan Syarikat Pembina Kapal Luerssen.

Turut hadir mengiringi keberangkatan YTM ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat; Duta Besar Negara

Berkenan berangkat menerima sembah taklimat dan santap

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto :

Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah dari Berne, Bremen, Republik Persekutuan Jerman

Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Panglima Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Abdul Jalil bin Haji Ahmad; Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar; Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Halim bin Haji Mohd. Hanifah serta pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan ABDB yang lain.

Sementara itu dalam satu sesi temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama Kolonel (L) Pengiran Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad menjelaskan bahawa penambahan aset yang baru tersebut akan melengkapkan lagi aset-aset yang ada di TLDB, kawasan luputan dan juga rutin rondaan dapat dipertingkatkan.

Kolonel (L) Pengiran Norazmi menambah, aset berkenaan juga

akan meningkatkan tahap pelaksanaan tugas-tugas yang dilaksanakan oleh TLDB seperti operasi, latihan dalam mahupun luar negara dan juga pemeliharaan kapal-kapal.

Beliau seterusnya menerangkan bahawa fungsi utama Kapal Peronda DARUTTAQWA adalah untuk menjadi kapal latihan bagi anggota-anggota ataupun bakal-bakal pegawai dan anggota TLDB.

"Di antara perbezaan Kapal Peronda DARUTTAQWA ini adalah lebih kapasiti bagi membolehkan kapal tersebut membawa anggota TLDB dalam latihan," ujar Kolonel (L) Pengiran Norazmi.

Tambahnya, kapal ini juga mempunyai perubahan dari segi struktur dalaman bagi menampung anggota-anggota latihan dari segi terdapatnya ruang untuk dijadikan bilik kuliah dan juga penambahan tempat tidur bagi mereka.



DARUTTAQWA melengkap aset-aset TLDB.....Kolonel (L) Pengiran Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad.



PENGARAH Urusan Syarikat Pembina Kapal Luerssen, Tuan Peter Luerssen menyebarkan taklimat.



SEMBAH taklimat daripada Ketua Pemerhati Projek Laut, Leftenan Kolonel (L) Azlan bin Haji Ahmad.



KAPAL Peronda DARUTTAQWA akan menjadi kapal latihan bagi anggota-anggota dan bakal-bakal pegawai dari anggota TLDB.

Hari Kebangsaan NBD Ke-30 Tahun Sangat bermakna dan signifikan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Ogos. - Tempoh 30 tahun menjalani kemerdekaan merupakan jangka masa dan perjalanan yang panjang dan telah memberikan kematangan kepada rakyat dan penduduk di negara ini berhadapan dengan perkembangan dan pergolakan sosiobudaya, ekonomi dan politik serantau dan antarabangsa.

Apa yang jelas dalam tempoh 30 tahun berkemaaan, di bawah pemerintahan dan kepimpinan bijaksana lagi berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bangsa Brunei telah dapat menandai, melaksanakan, mempertahankan dan memperkukuhkan hasrat titah pengisytiharan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984 pada mengekalkan negara ini dengan izin Allah sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik dengan bersendikan ajaran Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30, Tahun 2014 menyatakan perkara tersebut pada Mesyuarat Pertama

Jawatankuasa Tertinggi sambutan berkenaan, berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Berakas, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-30 tahun pada tahun 2014 adalah sangat bermakna dan signifikan kepada negara dan bangsa khususnya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menambah, dalam masa 30 tahun berkenaan negara serta rakyat dan penduduk telah berjaya mengisikan kemerdekaan negara dengan pelbagai pembangunan dan kemajuan, di samping mewujudkan keamanan, kestabilan, kesejahteraan dan meningkatkan kemakmuran bangsa dan negara.

Tambahnya, adalah wajar bagi negara, rakyat dan penduduk di negara ini terutamanya golongan belia untuk mengimbu 30 tahun kemerdekaan negara dan bangsa dengan skala sambutan Hari Kebangsaan yang berbeza daripada tahun-tahun yang sudah dengan penglibatan segenap peringkat rakyat dan penduduk terutamanya golongan belia dan remaja di Negara Brunei Darussalam.

Kelainan yang kita cuba tonjol dan paparkan, jelasnya adalah dari aspek semangat penyertaan dan impak perhimpunan ke arah

melonjakkan semangat kecintaan generasi muda kepada raja, bangsa, agama dan negara; Menyatakan tekad untuk terus mengisikan kemerdekaan negara dengan pembangunan dan kemajuan yang berdaya tahan selaras dengan perubahan dan tuntutan semasa tanpa menggugat kepada keamanan dan kestabilan negara; Memacu, mendukung dan merealisasikan Wawasan Negara 2035; dan Untuk bersedia berkorban pada mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara MIB yang menuju kepada negara 'Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur'.

Yang Berhormat juga menjelaskan, bagi menghasilkan sambutan Hari Kebangsaan yang mempunyai skala yang berbeza Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenalkan bagi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 dipengerusikan bersama oleh tiga orang menteri iaitu Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apog dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat, baginda juga telah memperkenalkan bagi tambahan Timbalan Pengerusi dengan lantikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30, Tahun 2014.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

Yang Berhormat berharap dengan adanya buah fikiran, pengalaman dan *wisdom* daripada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi itu akan dapat sama-sama memberikan sumbangan buah fikiran dan tenaga dalam membuat persediaan skala yang berbeza sambutan Hari Kebangsaan Ke-30, pada tahun 2014 nanti.

Antara agenda yang dibincangkan pada mesyuarat itu termasuk pemilihan Tema, Jam/Waktu/Lokasi bagi Acara Kemuncak 23 Februari 2014 dan Format/Konsep Persembahan Padang dan lain-lain hal yang berkaitan.

Juga hadir pada mesyuarat tersebut ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah

Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi sambutan tersebut, Menteri Pendidikan dan Menteri Pembangunan, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi sambutan berkenaan; Timbalan-timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi sambutan tersebut iaitu Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar; Pengetua Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri

Paduka Haji Awang Umar.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri di JPM; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman; Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi sambutan iaitu Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



KETUA Urusetia Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Supt. Sharazuddin bin Haji Masri semasa Sidang Media yang berlangsung di Ibu Pejabat PDB, Gadong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Ogos. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengemaskini laman sesawang sebagai salah satu projek E-Kerajaan yang diunkayahkan oleh pasukan berkenaan dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Laman sesawang tersebut dirancang bagi memberi manfaat dan peluang kepada orang ramai terutama bagi mereka yang menggunakan media internet untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai PDB, manakala ciri-ciri laman web tersebut telah ditambah baik bagi memudahkan dan meningkatkan kecekapan serta

keberkesanan pasukan PDB dalam pelaksanaan tugas khususnya dalam penyaluran maklumat kepada pihak awam dan yang berkepentingan.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Ketua Urusetia Pesuruhjaya Polis, PDB, Supt. Sharazuddin bin Haji Masri pada Sidang Media di Ibu Pejabat PDB, Gadong, di sini.

Laman sesawang PDB yang baru itu merupakan usaha yang dilaksanakan menerusi pelan menaik taraf semula laman sesawang yang sedia ada menerusi kerjasama PDB dengan JPM.

Laman sesawang baru PDB lebih bermaklumat

Oleh : Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

Laman sesawang terbaru pasukan PDB itu sebagai portal *online* kepada maklumat-maklumat yang relevan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh pasukan PDB dan sebarang maklumat serta perkhidmatan *online* boleh diakses melalui internet dengan melayari <http://www.police.gov.bn>.

Antara ciri menarik laman sesawang berkenaan termasuk membarigakan informasi mengenai peranan dan fungsi organisasi PDB termasuk jabatan-jabatan di bawahnya, statistik jenayah dan lalu lintas, tips keselamatan, berita terkini, kegiatan PDB, galeri foto serta beberapa informasi lain.

Supt. Sharazuddin berkatan pengisian yang dimuatkan ke dalam laman sesawang antara lain bermatlamat untuk mendedahkan dan memberi publisiti mengenai PDB secara menyeluruh, selain untuk menonjolkan imej dan perkembangan PDB dari semasa ke semasa kepada orang ramai.

Laman sesawang PDB dihasilkan oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang

terdiri daripada pegawai Pejabat Urusetia Pesuruhjaya Polis dan Unit Perhubungan Awam PDB serta wakil daripada semua jabatan dan formasi dalam pasukan PDB dengan bantuan teknikal daripada pihak JPM, yang gigih mengkaji dalam menaik taraf laman web ini secara menyeluruh demi mencapai cita rasa pengguna.

Selain itu, laman web berkenaan juga banyak memaparkan dan menyiar maklumat yang diharap dapat menarik pengunjung untuk melayarinya dan antara ciri-ciri yang telah diperbaharui ialah carta organisasi Pasukan PDB, E-Majalah, *notis tender*, episod rancangan TV Jejak 993, ruang soalan yang sering ditanya (Frequently Asked Question-FAQs) dan muat turun borang pengambilan bagi Pegawai Kadet dan Rekrut dan lain-lain.

Antara perkhidmatan terbaru di dalam laman tersebut pula ialah ruang maklum balas (*feedback*), di mana ianya membolehkan pihak orang awam untuk memberikan maklumat penting yang relevan kepada PDB atau membuat pertanyaan

mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh PDB.

Penaiktaraan laman web ini juga adalah sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini dengan menampilkan satu kelainan kepada orang ramai dengan lebih interaktif dan mesra pengguna yang mana ianya telah mencapai satu tahap piawai yang memenuhi keperluan dan kehendak semasa dengan mengikut garis pandu daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Laman sesawang PDB yang baru itu diharapkan akan dapat mampu memuaskan hati para pengunjung yang melayarinya, selain dapat menarik perhatian orang ramai supaya lebih bersifat mesra dengan warga polis serta dapat memberikan peluang kepada mereka yang minat untuk menceburkan diri dengan kerjaya sebagai Pegawai Polis.

Hadir sama dalam Sidang Media tersebut ialah Ketua Unit Perhubungan Awam, PDB, DSP Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani dan Pegawai Perhubungan Awam Polis, Inspektor Pengiran Haji Yusra bin Pengiran Haji Mohamad serta beberapa pegawai kanan dari JPM.

Lebaran di Aidilfitri

Kukuhkan hidup bermasyarakat

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Dk. Vivv. Malessa Pg. Ibrahim

HARI Raya merupakan hari kemenangan bagi masyarakat Islam setelah mereka menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan selama sebulan. Kemenangan dalam erti kata bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana mereka dapat menjalankan ibadah ertinya tanggungjawab sebagai seorang yang beragama Islam dan juga akan mendapatkan ganjaran yang setimpal dari Allah Subhanahu Wata'ala di atas ibadah dan amal kebajikan yang mereka telah mereka lakukan di sepanjang 30 hari di bulan Ramadan.

Perkara itu dijelaskan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong yang juga selaku Setiausaha dan Ketua Urusetia Tertinggi Melayu Islam Beraja (MIB) semasa wakil PELITA BRUNEI menemu bual beliau mengenai 'Rumah Terbuka'.

Jelasnya, di bulan Ramadan bulan yang mulia, kemudian selepas daripada bulan tersebut, bulan Syawal iaitu 1 Syawal mereka akan mengadakan sambutan berhari raya dan memang seperti mana yang kita maklum bahawa di negara ini, berhari raya itu adalah merupakan suatu amalan khususnya bukan sahaja kepada masyarakat Melayu tetapi juga merupakan amalan yang disuruh oleh agama dalam masyarakat yang telah memeluk agama Islam, yang mana di Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari pelbagai puak dan kaum.

Beliau menambah jika dilihat bahawa berhari raya itu, kalau dilihat merupakan suatu warisan agama, warisan cara hidup yang terkandung dalam warisan MIB, kerana ia memperlihatkan bukan sahaja dari aspek-aspek agama Islam, ajaran agama Islam yang kita perlihatkan tetapi yang paling penting juga melihat tentang perpaduan dan juga penyatuan bangsa Brunei yang telah sekian lama wujud di bumi Brunei, dalam

erti kata lain, Hari Raya ini telah mula dirayakan sejak daripada lebih daripada 600 tahun yang lalu, apabila agama Islam mula bertapak di negara ini, apabila Awang Alak Bertatar memeluk agama Islam, maka dengan sendirinya berpuasa dan berhari raya itu telah menjadi salah satu cara hidup masyarakat di negara ini.

Yang paling penting jelasnya lagi, jika dilihat dari segi MIB itu, MIB merupakan sumber perpaduan dan penyatuan dan kesejahteraan masyarakat Brunei. Jadi dengan sendirinya dengan adanya Hari Raya dan juga Rumah Terbuka ini, konsep yang paling penting, di samping masyarakat Islam, orang-orang Muslimin misalnya menjalankan ibadah mereka melalui kejayaan berpuasa itu, yang digelar 'Open House' atau Rumah Terbuka akibat daripada perkembangan kehidupan masa kini, lebih kurang bermula dari tahun 90an ini.

Di samping itu, Rumah terbuka ini mewujudkan satu penyatuan atau kekukuhan hidup bermasyarakat dan bernegara. Ini adalah memang digalakkan dalam Islam dan merupakan satu ikatan yang juga digalakkan juga dalam cara hidup MIB, bertonggakan kepada sistem MIB dan juga budaya Brunei.

Sementara itu, konsep bermaaf-maafan pula jelasnya merupakan konsep yang paling penting antara satu sama yang lain untuk rasa kesedaran supaya mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan meminta kemaafan dengan menyedari akan kesalahan kita khususnya dalam konteks hubungan kekeluargaan seperti yang digalakkan dari segi agama Islam.

Menyentuh mengenai berhari raya di Istana Nurul Iman pula jelas Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, hubungan pemimpin dengan rakyat yang penting dalam masyarakat MIB, melalui hari kemenangan Hari Raya ini, bagi kita masyarakat



TETAMU-TETAMU yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka dihidangkan dengan beraneka jenis hidangan lazat dan istimewa.

di Negara Brunei Darussalam, rakyatnya tidak kira apa bangsa sekalipun, sama ada orang luar digalakkan untuk menziarahi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang lain di Istana Nurul Iman, di mana istana di buka sepanjang tiga hari daripada Hari Raya Kedua hingga Hari Raya Keempat.

Ini merupakan satu kesempatan yang ditunggu-tunggu, bukan sahaja dapat bersua dengan raja, secara langsung dapat bersalam-salaman bahkan kadang-kadang dapat juga berinteraksi. Dan yang paling penting juga di sini, kita memperlihatkan betapa setiap tahun jumlah yang datang ke istana bagi menziarahi baginda dan kerabat baginda itu adalah terlalu ramai dan meningkat dari tahun ke setahun.

Ianya melambangkan kecintaan dan ketaatan rakyat kepada kepimpinan Kebawah DYMM yang telah memberikan kesejahteraan dan kemakmuran. Ianya juga adalah melambangkan kesyukuran rakyat kepada baginda yang telah membawa masyarakat ini khususnya dalam memelihara agama Islam dan kesejahteraan untuk penduduk Negara Brunei Darussalam.

Manakala menyentuh mengenai Budaya Brunei pula jelas beliau, budaya yang suka melayan tetamu dan sentiasa melayan dengan baik atas kedatangan tetamunya, maka dengan ini dikukuhkan dengan lagi dengan ajaran agama Islam dan diperkukuhkan lagi dengan sistem MIB yang merupakan corak kehidupan masyarakat Brunei.

Maka kita beranggapan bahawa berhari raya ini merupakan salah satu asas yang paling penting untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan kenal mengenali antara satu sama lain khususnya bagi masyarakat brunei yang terdiri dari pelbagai puak, misalnya puak Melayu, Kedayan, Tutong, Belait,



PELBAGAI jenis juadah masakan dan kuih-muih dihidangkan pada Hari Raya Aidilfitri.

Murut, Dusun dan juga bisaya, kemudian di Brunei ditambah lagi dengan orang-orang yang bukan orang Melayu yang diiktiraf iaitu orang Iban, Cina dan juga India dan daripada orang luar iaitu Nasrani.

Jadi dengan sendirinya bahawa apa yang kita dapat lihat bukan sahaja orang Melayu yang dapat bersatu padu malah juga orang luar yang bukan berbudaya Melayu dan bukan beragama Islam, ini yang paling penting, kerana kemenangan berhari raya itu bukan hanya dirayakan oleh kepada orang-orang Islam tetapi juga terbuka kepada orang-orang yang bukan Islam khususnya, jiran mereka di sebelah rumah atau rakan sepejabat, rakan sekolah atau rakan sekampung.

Mereka ini akan ziarah-menziarahi antara satu dengan yang lain dan ini sebagaimana yang telah digalakkan oleh Islam. Ajaran Islam itu telah memfokus menyuruh umat manusia ini, sentiasa kenal-mengenal antara satu dengan yang lain tanpa mengira apapun latar belakang dan agamanya. Dengan adanya

ini, bersesuaian dengan cara hidup kita di Brunei iaitu mengamalkan MIB yang menjadi kerukunan dan keamanan sejak 600 tahun mengamalkan MIB, penduduk kita ini alhamdulillah hidup sentiasa aman dan damai.

Ini adalah satu pengajaran yang baik diiklali kita lihat di dunia luar yang sentiasa berlaku ketidakadilan, tindas menindas, tetapi Alhamdulillah, dengan adanya ajaran Islam dan ada yang sistem MIB, memperlihatkan bahawa kehidupan kita ini bertambah kukuh dan bersatu padu.

Konsep Rumah Terbuka ini bagi masyarakat Brunei di bulan Syawal ini, bukan hanya setakat tiga hari mahupun seminggu tetapi sepanjang bulan Syawal, yang mana diadakan pelbagai bukan sahaja individu itu sendiri seperti rumah nya sendiri dibukakan, sama ada ia dan sesiapa pun dibolehkan datang dan diterima untuk berhari raya dan yang paling penting bagi masyarakat Islam sendiri, pada hari itu merupakan hari kemenangan, yang mana itulah kesempatan mereka untuk bermaaf-maafan.



TETAMU yang diundang pada Majlis Rumah Terbuka pada Hari Raya Aidilfitri mengambil giliran masing-masing untuk menikmati juadah yang tersedia dihidangkan.

MENARIK DI DALAM

MUKA
VI
DAN
VII



BERKENAN MENERIMA
MENGADAP KETUA-KETUA DELEGASI AHLI TPP

MUKA
VIII



PERTUMBUHAN DAGANGAN
ASEAN-AUSTRALIA-NEW ZEALAND KUKUH

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Azmah Haji Ahad,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

TPP berusaha tangani isu penting



SIDANG Media bagi Mesyuarat Menteri Perkongsian Trans Pasifik (TPP) telah mengeluarkan Kenyataan Bersama yang antara lain meliputi akses pasaran bagi barangan, perkhidmatan dan pelaburan, perkhidmatan kewangan dan lain-lain.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Ogos. - Menteri-menteri daripada 12 buah negara Perkongsian Trans Pasifik (TPP) pada akhir sidang telah memikirkan cara untuk menangani isu-isu penting yang belum dijelaskan dalam rundingan ke arah yang komprehensif, perdagangan serantau yang bermutu tinggi dan perjanjian

pelaburan yang memasuki peringkat akhir.

Dalam pertemuan tersebut para wakil negara yang terdiri dari Australia, Negara Brunei Darussalam, Chile, Kanada, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Republik Singapura, Amerika Syarikat dan Viet Nam telah menerokai cara membangunkan pakej saling menerima,

termasuk zon pendaratan ke atas baki isu-isu sensitif dan mencabar serta isu-isu dalam perbincangan akhir.

Perkara tersebut diungkapkan oleh Wakil Perdagangan dari Amerika Syarikat, Yang Berhormat Michael Froman semasa membacakan Kenyataan Bersama Mesyuarat Menteri TPP dalam Sidang Media yang diadakan di Pusat

Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Juga hadir dalam majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock berserta wakil-wakil dari negara-negara TPP.

Katanya, antara bidang-

bidang menjadi tumpuan dalam mesyuarat tersebut meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan akses pasaran bagi barangan, perkhidmatan/pelaburan, perkhidmatan kewangan dan perolehan kerajaan serta teks yang meliputi harta intelek, persaingan dan isu-isu alam sekitar.

Namun begitu beliau juga menyatakan bahawa mereka telah membincangkan isu-isu yang masih tertunggak seperti buruh, penyelesaian pertikaian dan perkara-perkara lain.

Mesyuarat Menteri-Menteri TPP yang telah diadakan ini adalah sebagai rundingan pusingan ke-19 untuk menawarkan bimbingan perunding dan membantu bagi memacu ke arah rundingan kepada kesimpulan pada tahun 2013 iaitu tempoh masa yang diarahkan oleh pemimpin-pemimpin ahli.

Jelasnya, mereka telah membincangkan cara terbaik untuk mencapai hasil yang selaras dengan matlamat yang sama yang ingin mereka capai iaitu seimbang dengan perjanjian abad ke-21 yang akan meningkatkan perdagangan dan pelaburan dalam kalangan mereka untuk menggalakkan inovasi, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan dan menyokong pembentukan serta pengekalan pekerjaan di negara masing-masing.

Katanya, mereka telah bersetuju untuk mengekalkan penglibatan aktif mereka sehingga mesyuarat pemimpin APEC di Bali, Republik Indonesia, pada saat para pemimpin TPP dijangka bertemu.

“Mesyuarat ini akan menjadi satu peristiwa penting di mana 12 negara bekerja secara intensif untuk memuktamadkan mercu tanda perjanjian tersebut,” ujar beliau.



Oleh : Aimi Sani

Foto :

Haji Ariffin Mohd. Noor,
Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Ogos. - Mesyuarat Menteri-Menteri dan Ketua-Ketua Delegasi Bagi Perkongsian Trans Pasifik (TPP) merupakan peluang terbaik untuk menilai kemajuan rundingan-rundingan bagi Perjanjian TPP sejak perjumpaan para menteri yang lalu.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng menyatakan perkara berkenaan semasa berucap pada Mesyuarat Menteri-Menteri dan Ketua-Ketua Delegasi bagi TPP, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Yang Berhormat juga mengongsikan pandangan bahawa pengembangan perjanjian untuk memasukkan Jepun sebagai ahli ke-12 TPP antara lain bertujuan untuk menekankan signifikan usaha kolektif yang dilaksanakan dan berharap mesyuarat di Negara Brunei Darussalam ini akan membawa hasil positif yang boleh dilaporkan kepada para pemimpin dalam beberapa bulan seterusnya.

Terdahulu, Yang Berhormat turut mengalu-alukan kedatangan semua rakan-rakan ahli TPP ke Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat yang dihadiri semua ahli TPP itu dipengerusikan oleh Wakil Perdagangan Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Michael Froman.

Pusingan Rundingan TPP Ke-19 juga

Mesyuarat TPP peluang menilai kemajuan rundingan yang lalu



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng semasa bergambar ramai bersama Ketua-Ketua Delegasi Bagi Perkongsian Trans Pasifik (TPP).

bermula hari ini bersama beberapa kumpulan kerja dan akan berakhir pada 31 Ogos 2013.

Sementara itu, dialog pihak berkepentingan yang dijadualkan pada pagi 27 Ogos 2013 akan diadakan di sebuah hotel terkemuka di Jerudong.

Dialog tersebut akan melibatkan sebilangan wakil berkepentingan dari negara-negara anggota TPP dan akan menyediakan peluang kepada pihak-pihak berkepentingan terlibat secara langsung dengan para perunding.

Perjanjian Perkongsian Strategik Trans Pasifik Ekonomi (P4) adalah Perjanjian Perdagangan Bebas di antara Negara Brunei Darussalam, Chile, Republik Singapura dan New Zealand ditandatangani pada 18 Julai 2005 dan mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2006.



MESYUARAT TPP yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam menandatangani perjanjian pada 2 Ogos 2005 dan menandatangani instrumen penguatkuasaan permohonan pada 12 Mei 2006.

Pada tahun 2009, selepas memuktamadkan Jadual Perkhidmatan dan Senarai Perolehan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam melengkapkan proses pengesahan, manakala perjanjian sepenuhnya mula berkuat kuasa (bagi Brunei) pada 22 Julai 2009.

P4 kemudian berkembang ke dalam TPP dengan penambahan ahli baru iaitu Amerika Syarikat, Australia, Peru, Viet Nam dan Malaysia.

Rundingan bermula pada 15-19 Mac 2010 di Melbourne, Australia dan Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah pusingan ketiga rundingan pada 4 - 9 Oktober 2010.

TPP memberi peluang bagi penyertaan negara-negara baru selepas mengikuti proses perundingan, penilaian dan membina

konsensus dalam kalangan ahli.

Persetujuan penuh oleh semua negara anggota diperlukan sebelum ahli baru diterima.

Pada sebelah petang, Yang Berhormat juga mengadakan mesyuarat dua hala dengan Menteri Bertanggungjawab bagi Ekonomi Revitalisasi, Menteri Yang Bertanggungjawab bagi Pembaharuan Penuh Keselamatan Sosial dan Cukai, Menteri Negara untuk Dasar Ekonomi dan Fiskal Jepun, Tuan Yang Terutama Akira Amari.

Pada mesyuarat itu, kedua-dua menteri berkongsi pandangan yang baik mengenai hubungan perdagangan dan ekonomi antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun, ASEAN dan Jepun termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan rundingan TPP.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng hadir pada Mesyuarat TPP yang dipengerusikan oleh Wakil Perdagangan Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Micheal Froman.



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor,
Hernie Suliana Haji Othman,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos.
- Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) yang menghadiri Mesyuarat Kerjasama Pembangunan Lembangan Mekong - ASEAN Ke-15 (15th ASEAN - Mekong Basin Development Cooperation - AMBDC), membincangkan Potensi ekonomi yang besar di Lembangan Mekong yang akan dapat memberikan manfaat bersama oleh negara-negara ASEAN.

Mesyuarat yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Kesatuan Menteri Perancangan Negara dan Perkembangan Ekonomi, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Dr. Kan Zaw.

Para jemaah menteri dalam mesyuarat ini juga meneruskan perbincangan mengenai isu-isu yang diketengahkan pada mesyuarat ke-14 pada 29 Ogos 2012 di Siem Reap, Kemboja.

ASEAN-AMBDC Ke-15 bincang potensi ekonomi bersama



PARA jemaah Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) yang menghadiri Mesyuarat Pembangunan Lembaga Mekong - ASEAN Ke-15 (15th ASEAN - Mekong Basin Development Cooperation - AMBDC) ketika bergambar ramai pada sidang mesyuarat tersebut.

Mesyuarat kali ini dihadiri oleh para jemaah AEM dan Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Le Luong Minh.

Rangka Kerja Asas Kerjasama Pembangunan Lembangan Mekong-ASEAN diadakan di Kuala Lumpur pada 17 Jun 1996.

Menyadari potensi ekonomi yang besar di Lembangan Mekong, Menteri-menteri dari Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Kesatuan Rakyat Lao, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam, sebagai satu kumpulan teras telah bersetuju untuk Rangka Kerja Asas AMBDC-ASEAN dan berhasrat untuk terus bekerjasama dalam pembangunan Lembah Mekong.

Rangka Kerja Asas AMBDC-ASEAN berobjektifkan kerjasama untuk meningkatkan pembangunan ekonomi yang kukuh dan mampan, di samping menggalakkan proses dialog dan pengenalan projek biasa yang boleh mewujudkan perkongsian ekonomi yang kukuh untuk faedah bersama.

Prinsip Kerjasama itu akan dikawal oleh prinsip-prinsip ke arah menyokong dan melengkapi pelan pembangunan negara-negara di Lembangan Mekong; Memberikan manfaat berterusan kepada orang-orang di Lembangan Mekong dalam bentuk pekerjaan, pendapatan generasi; meningkatkan taraf sosial dan peningkatan taraf hidup; Menggunakan sumber sepenuhnya dan memastikan pembangunan yang stabil dan berterusan yang membawa kepada pengurusan yang lebih baik daripada sumber semula jadi dan perlindungan alam sekitar; Melengkapkan inisiatif kerjasama yang diambil oleh Suruhanjaya Sungai Mekong, negara penderma dan agensi pelbagai hala yang

lain; Menggerakkan penyertaan sektor swasta dalam pelaksanaan projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang dikenal pasti secara kolektif, dan Membukakan penyertaan semua negara yang berminat pada pembangunan serantau dan antarabangsa, di samping agensi-agensi bantuan kewangan dan institusi.

Kerjasama tersebut akan memberi keutamaan kepada sektor yang mempunyai potensi besar untuk pembangunan iaitu Pembangunan kapasiti infrastruktur dalam bidang pengangkutan, telekomunikasi, pengairan dan tenaga dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan sokongan untuk program-program pembangunan secara amnya; Pembangunan aktiviti pelaburan yang menjana perdagangan; Pembangunan sektor pertanian melalui pengenalan program dan projek-projek untuk meningkatkan pengeluaran pertanian untuk penggunaan domestik dan eksport; Pembangunan mampan sumber hutan dan pembangunan sumber mineral melalui pengenalan program-program dan projek-projek berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti nilai tambah dan pemprosesan untuk eksport; Pembangunan sektor perindustrian melalui pengenalan program-program dan projek-projek untuk mempercepatkan pembangunan industri terutama yang kecil dan sederhana perusahaan; Pembangunan sektor pelancongan; Pembangunan sumber manusia dan sokongan untuk latihan, di samping kepentingan kerjasama di bidang sains dan teknologi.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng ketika mempengerusikan mesyuarat tersebut.



SUASANA permesyuaratan yang dihadiri oleh para jemaah AEM yang menghadiri Mesyuarat AMBDC Ke-15 di salah sebuah bilik mesyuarat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

China kekalkan kedudukan rakan dagangan terbesar ASEAN



Oleh : Khartini Hamir

Foto :

Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Pada Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi dan Perdagangan ASEAN Ke-45 pelbagai mesyuarat berkaitan yang lain juga turut diadakan, antaranya Perundingan Menteri-Menteri Ekonomi dan Perdagangan ASEAN dan Menteri Perdagangan China (AEM-MOFCOM) Ke-12, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Perdagangan China, Tuan Yang Terutama Gao Hucheng.

Menurut Kenyataan Media Bersama (Joint Media Statement) para Menteri Ekonomi dan Perdagangan ASEAN menyatakan rasa gembira pada prestasi umum perdagangan dan pelaburan dua hala ASEAN-China, walaupun keadaan tidak menentu dalam ekonomi global, China mengekalkan kedudukannya sebagai rakan dagangan terbesar ASEAN, apabila perdagangan dua hala ASEAN-China berdasarkan statistik ASEAN berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 21.6 peratus dari 2009 hingga 2012.

Menjelang akhir tahun 2012, jumlah perdagangan ASEAN dengan China mencecah USD318.6 bilion, meningkat sebanyak 13.6 peratus daripada USD280.4 bilion pada tahun 2011 yang mana para menteri yakin bahawa matlamat yang ditetapkan oleh para pemimpin untuk membawa perdagangan dua hala kepada USD500 bilion pada tahun 2015 akan dapat dicapai, jika trend tersebut berterusan sehingga 2015.

Menyentuh mengenai Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China, para menteri melahirkan rasa gembira pada kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) dan usaha berterusan Jawatankuasa Bersama ACFTA dalam menaik taraf perjanjian ACFTA untuk memastikan bahawa ACFTA kekal dinamik dan relevan secara komersial.

Di samping itu, para menteri juga turut menekankan bahawa, dengan objektif liberalisasi ACFTA yang hampir dicapai, sekurang-kurangnya bagi ASEAN-6 (Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand) dan China, usaha terkini harus dipertingkatkan ke arah memudahkan perdagangan dua hala ASEAN-China dan menambah baik ACFTA melalui kajian berterusan Sensitive Track dan Rules of Origin.

Dalam konteks ini, China telah memberikan taklimat kepada Menteri-menteri Ekonomi dan Perdagangan ASEAN cadangan untuk menaik taraf keseluruhan ACFTA dengan meningkatkan tahap liberalisasi dan memperluaskan lagi skop dan liputan perjanjian.

Menteri-Menteri Ekonomi dan Perdagangan ASEAN mengambil maklum dan menghargai cadangan tersebut serta mengalu-alukan niat untuk meningkatkan ACFTA secara keseluruhan.

Menteri-menteri Ekonomi dan Perdagangan juga menyatakan bahawa Protokol untuk Menggabungkan Halangan Teknikal kepada Perdagangan dan Sanitari



PERMESYUARATAN Menteri-Menteri Ekonomi dan Perdagangan ASEAN Ke-45 dan Mesyuarat Perundingan Menteri-Menteri Ekonomi dan Perdagangan ASEAN dan Menteri Perdagangan China (AEM-MOFCOM) Ke-12 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

dan Langkah Fitosanitasi ke Perjanjian TIG ASEAN-China (Protocol on TBT/SPS), yang ditandatangani pada 18 November 2012, telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013 bagi Negara Brunei Darussalam, China, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Selain itu, para menteri juga turut menyatakan mengenai kemajuan yang telah dibuat dalam memuktamadkan draf teks Bab Prosedur Kastam dan Fasilitasi Perdagangan (CPTF), yang seterusnya akan dimasukkan ke dalam Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-China (TIG).

Menekankan mengenai kepentingan memudahkan perdagangan dua hala ASEAN-China, menteri-menteri juga turut menggesa pihak berwajib untuk mempercepatkan penamatan rundingan CPTF dan semakan Sensitive Track dan Rules of Origin, sebelum ke Perundingan AEM-MOFCOM yang seterusnya pada tahun 2014.

Di samping itu, para menteri juga turut menggalakkan Jawatankuasa Bersama ACFTA dalam usahanya untuk mengkaji Perdagangan ASEAN-China dalam Perjanjian Perkhidmatan, Perjanjian Pelaburan dan Perjanjian Penyelesaian Pertikaian Mekanisme secara tetap.

Mengenai Jerayawara ASEAN ke China yang dijadualkan pada 23-25 Oktober 2013 nanti, para menteri menjangkakan bahawa jerayawara tersebut akan meliputi bandar-bandar Beijing, Chengdu dan Shanghai yang sekali gus akan meningkatkan tahap keyakinan orang Cina, termasuk pegawai-pegawai kerajaan pusat dan tempatan serta ahli-ahli perniagaan, dalam mengambil kesempatan daripada peluang-peluang yang ada daripada pelbagai inisiatif bukan sahaja di bawah hubungan ekonomi ASEAN-China yang teguh, tetapi juga dari usaha-usaha integrasi ekonomi ASEAN.

Bagi hal ehwal kerjasama lain, Menteri-Menteri Ekonomi dan Perdagangan ASEAN gembira dengan kejayaan Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) Ke-9 yang diadakan pada 21-25 September 2012 di Nanning, China dan memandang ke hadapan untuk mengadakan CAEXPO Ke-10 yang dijadualkan pada 3-6 September 2013 nanti.

Para menteri berkata, hasil mesyuarat pertama ASEAN Connectivity Coordinating Committee (ACCC) dan the Chinese Working Committee of China-ASEAN Connectivity Cooperation Committee (ACWC-ACCC) yang

telah diadakan pada 7 November 2012, menteri-menteri berpendapat bahawa hasil mesyuarat tersebut akan menjadi sangat penting bagi kerjasama masa depan antara ASEAN dan China untuk menyokong Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN.

Selain itu, para menteri juga turut meminta ACCC dan CWC-CACCC untuk terus bekerja rapat dengan berkesan bagi memastikan kesatuan hubungan yang lebih baik di antara ASEAN dan China.

Menteri-menteri Ekonomi dan Perdagangan ASEAN juga gembira dengan kerja-kerja awal yang telah dijalankan oleh ASEAN dan Hong Kong bagi merealisasikan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Hong Kong dan memandang ke hadapan untuk permulaan rundingan pada awal tahun 2014.

Selain itu, para menteri juga menyatakan kemajuan yang dibuat untuk memuktamadkan pelan tindakan bagi Pan-Beibu Gulf Economic Cooperation, di mana dalam hal tersebut, menteri-menteri menggalakkan pegawai-pegawai yang berkaitan untuk melaksanakan pendekatan yang praktikal bagi memajukan inisiatif dan untuk mengenal pasti projek-projek konkrit yang boleh dilaksanakan.

ASEAN - Rusia terus membina hubungan perdagangan, pelaburan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos. - Konsultasi kedua Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) dan Rusia mengadakan perbincangan dengan dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Pembangunan Ekonomi Rusia, Tuan Yang Terutama Alexey V. Ulyukayev di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan selepas konsultasi tersebut menyebut para menteri menyatakan bahawa perdagangan dan pelaburan antara ASEAN dan Rusia bagi tahun 2011-2012 telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 30 peratus iaitu USD14 bilion dalam 2011 kepada USD18.2 pada tahun lepas.

Justeru dengan peningkatan itu para menteri merasa amat gembira dengan peningkatan dramatik berkenaan terutama dalam eksport ASEAN ke Rusia, mencapai USD4.9 bilion pada tahun 2012 atau pertumbuhan 80.9 peratus dari

2011.

Dalam pada itu import ASEAN dari Rusia juga meningkat sebanyak 17.9 peratus dengan jumlah ASD13.3 bilion pada tahun 2012.

Akan tetapi, pada tahun 2012 aliran pelaburan langsung Rusia ke dalam ASEAN hanya mencapai ASD0.1 bilion sahaja dan menteri-menteri melihat bahawa aliran pelaburan adalah sederhana memandangkan potensi besar yang ada di kedua-dua rantau. Kerana itu para menteri menekankan bagi peluang-peluang untuk mendalami hubungan ekonomi dan mengulangi komitmen mereka untuk terus membina hubungan perdagangan dan pelaburan antara ASEAN dan Rusia.

Sementara itu, menteri-menteri juga meluluskan bagi program kerjasama pelaburan dan perdagangan ASEAN-Rusia yang yakin bahawa hala tuju kerjasama perdagangan dan pelaburan ASEAN-Rusia yang mereka diluluskan pada tahun 2012, akan menjadi pemangkin perkembangan hubungan ekonomi ASEAN-Rusia.

Bidang-bidang tersebut terma-

suklah kemudahan perdagangan dan pelaburan dan liberalisasi, tenaga, pembangunan rantaian logistik, pembangunan sumber manusia, pelancongan, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana, inovasi dan pemodenan serta

penciptaan harta intelek dan dialog perniagaan.

Menyentuh mengenai dengan program tindakan komprehensif bagi menggalakkan kerjasama antara ASEAN dan Rusia (2005-2015) yang disahkan di

Kuala Lumpur, Malaysia 2005, para menteri menyatakan bahawa ia mungkin tepat pada masanya untuk memulakan perbincangan mengenai aktiviti pasca 2015 untuk meningkatkan perdagangan ASEAN-Rusia.



GAMBAR kenangan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) dan Rusia ketika berlangsungnya konsultasi kedua AEM dan Rusia di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos. - Bidang kerjasama perkembangan rangka kerja ekonomi dalam kalangan negara-negara Sidang Asia Timur (EAS), menjadi perhatian perbincangan ketika berlangsungnya Majlis Makan Tengah Hari Tidak Formal Menteri-Menteri Ekonomi EAS.

Ketika para menteri bertukar fikiran mengenai situasi ekonomi sejagat dan mengikut data statistik ASEAN GDP terkumpul dalam kalangan negara EAS telah tumbuh pada kadar 5.7 peratus dari tahun 2011 hingga 2012.

Menurut mereka kadar tersebut bertambah kepada 10.6 peratus dari yang didaftarkan pada tahun 2010 hingga 2011 dan GDP bagi EAS dianggarkan USD38,961 bilion dalam tahun 2012 serta masih melebihi 50 peratus dari GDP sejagat.

Majlis telah dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II

GDP antara ASEAN- EAS meningkat



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng ketika mempengerusikan mesyuarat tersebut.

(Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Dalam pertemuan itu para menteri telah mengambil perhatian akan bertambahnya jumlah perdagangan ASEAN dari yang bukan ASEAN EAS dengan 5.2 peratus dari USD1,027.10 bilion pada tahun 2011 kepada USD1,080.70 tahun lalu.

Menurut para menteri ini satu perbezaan yang nyata kepada 20.7 pertambahan yang didaftarkan 2011 yang mana lapan negara yang bukan ASEAN EAS dikira bagi 42.3 peratus bagi jumlah

perdagangan ASEAN.

Para menteri juga berpuas hati dengan mengambil maklum mengenai perjalanan Pelaburan Langsun Asing (FDI) dari negara bukan ASEAN EAS tercatat lebih baik pada tahun 2011 dengan FDI mengalir masuk berjumlah USD58.4 bilion pada tahun 2012 dari hanya USD50.3 bilion tahun 2011 dan USD51 bilion tahun sebelumnya sementara lapan negara bukan ASEAN EAS tercatat 54.5 peratus aliran FDI ke dalam ASEAN tahun lalu jika dibandingkan hanya 46.5 peratus tahun 2011.

Selain itu, perbincangan juga memfokuskan kesalinghubungan perniagaan seperti

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

mana yang ditekankan oleh para menteri kerana satu pencapaian kritikal bagi kesalinghubungan memberi kemudahan dan pengembangan bagi perniagaan merentas sempadan.

Oleh itu, mereka bersetuju dalam kerjasama pada Mesyuarat Menteri Luar EAS untuk mengambil stok bagi program-program dan kegiatan-kegiatan kesalinghubungan perniagaan serantau semasa.

Dalam bidang perdagangan liberalisasi, para menteri

bersetuju kepentingannya di Asia Timur dan mengemukakan usaha proaktif negara-negara EAS bagi lebih memajukan rangka kerja perdagangan bagi lebih memudahkan liberalisasi perdagangan di rantau ini termasuk dua hala FTA, ASEAN+FTA, RCEP dan Perkongsian Trans Pasifik (TPP).

Sementara itu bagi Integrasi Dalam Ekonomi ASEAN dan dengan rantau yang lebih luas, pada menteri telah menekankan pentingnya

mengutamakan usaha-usaha kerjasama antara ASEAN dan rakan EAS dalam memudahkan bagi merealisasikan hasrat Masyarakat Ekonomi ASEAN, MEA dan lebih mengintegrasikan ASEAN kepada rantau yang meluas dan mereka mengenali bidang-bidang kerjasama yang diutamakan dengan fokus ke arah 2015 serta ke depannya, integrasi ekonomi rantau yang meluas oleh kedua-dua ASEAN dan rakan-rakan EAS.

Mesyuarat tidak formal itu telah dihadiri sama oleh ASEAN, Australia, China, India, Jepun, Republik Korea, New Zealand, Persekutuan Rusia dan Amerika Syarikat.



PERTEMUAN Menteri-Menteri Ekonomi Sidang Asia Timur (EAS) dalam kalangan negara-negara EAS sedang membincangkan agenda permesyuaratan tersebut.

Hubungan ekonomi ASEAN-India meningkat



MENTERI Industri dan Perdagangan, Republik India, Tuan Yang Terutama Anand Sharma.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos. - Para menteri melahirkan keyakinan bahawa pelaksanaan Perdagangan ASEAN-India dalam Perkhidmatan dan Perjanjian Pelaburan akan terus menyumbang ke arah mengeratkan lagi hubungan ekonomi dan meningkatkan hubungan ASEAN-India untuk satu perkongsian strategik yang telah dipersetujui pada Disember 2012 yang lepas.

Perkara tersebut terkandung dalam Kenyataan Bersama Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM)-India Ke-11 yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Industri dan Perdagangan, Republik India, Tuan Yang Terutama Anand Sharma.

Mesyuarat yang berlangsung di Pusat Persidangan

Oleh : Nooratiini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Antarabangsa, Berakas itu, para menteri juga berpuas hati dengan kemajuan yang telah dicapai dalam penubuhan Perdagangan ASEAN-India dan Pusat Pelaburan di India yang mana akan memudahkan lagi hubungan perniagaan ASEAN-India.

Dalam hal ini, para Menteri AEM berkata peningkatan dalam perdagangan antara ASEAN dan India tersebut kini mencapai USD75.6 bilion pada tahun 2012 daripada USD74.6 bilion pada tahun 2011.

Menurut Menteri Republik India, statistik ASEAN-India kekal sebagai rakan dagangan keenam terbesar dalam tahun 2012 manakala statistik ASEAN pula, aliran terus pelaburan dari India ke ASEAN adalah berjumlah ASD2.6 bilion.

Dalam kenyataan itu lagi, para menteri menugaskan pegawai-pegawai kanan ekonomi untuk memantau pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Barangan serta mengenal pasti dan menangani halangan-halangan yang boleh menghalang perdagangan rentas sempadan.

Usaha-usaha itu adalah penting untuk mencapai sasaran perdagangan ASEAN-India pada tahun 2015 bernilai ASD100 bilion yang ditetapkan oleh para pemimpin di ASEAN-India di Sidang Kemuncak pada 20 Disember 2012 di New Delhi,

Republik India, jelas kenyataan tersebut.

Menteri-menteri AEM-India menyatakan bahawa tarif bagi produk dalam Trek Biasa 1 (NT1) di India dan yang berkaitan negara anggota ASEAN akan dihapuskan mengikut Perdagangan ASEAN-India Perjanjian Barangan dalam merentas sempadan adalah penting untuk mencapai sasaran perdagangan ASEAN-India USD100 bilion pada tahun 2015 tersebut.

Menteri-menteri AEM-India juga mengulang penyelesaian perbincangan



MESYUARAT Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM)-India Ke-11 sedang membincangkan pelaksanaan perdagangan ASEAN-India dalam perkhidmatan dan Perjanjian Pelaburan.

mengenai perdagangan perkhidmatan dan pelaburan pada bulan Disember tahun lepas yang mana para Menteri AEM-India merakamkan perasaan gembira untuk mengambil perhatian

bahawa kedua-dua teks perjanjian undang-undang yang telah dimuktamadkan dan ditandatangani akan dilakukan sebaik sahaja semua pihak melengkapkan tatacara.

Menurut kenyataan itu lagi, Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan dan Pelaburan antara Republik India dan ASEAN juga akan dilaksanakan.



SESI bergambar ramai Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) - India Ke-11 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berkenan menerima mengadap Ketua-Ketua Delegasi ahli TPP




Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima mengadap Menteri-Menteri dan Ketua-Ketua Delegasi negara-negara ahli Trans-Pacific Partnership (TPP) yang menghadiri Mesyuarat TPP di negara ini.

Juga berangkat semasa Majlis Mengadap ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Turut hadir dalam Majlis Mengadap ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah Menteri-Menteri dan Ketua-Ketua Delegasi negara-negara ahli TPP yang menghadiri Mesyuarat TPP di negara ini (atas dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Menteri-Menteri dan Ketua-Ketua Delegasi negara-negara ahli TPP yang menghadiri Mesyuarat TPP di negara ini sejurus menerima mengadap.



KEBAWAH DYMM, DYT Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan DYT Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama Menteri-Menteri dan Ketua-Ketua Delegasi negara-negara ahli TPP yang menghadiri Mesyuarat TPP (atas kiri, atas, kiri dan bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bagi menerima mengadap para Menteri dan Ketua-Ketua Delegasi negara-negara ahli Trans-Pacific Partnership (TPP).





BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng menjelaskan bahawa langkah-langkah terbaik dan kemajuan di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN akan dilaksanakan, terutamanya menjadikan ASEAN sebagai satu pasaran tunggal dan asas pengeluaran, dan memastikan peranan penting ASEAN dalam ekonomi global.

Yang Berhormat, selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-45 dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan menjelaskan demikian pada Sidang Media mesyuarat berkenaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bahawa AEM mengesahkan komitmen mereka untuk merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015 dan secara individu akan berusaha ke

Komuniti Ekonomi ASEAN penting dalam ekonomi global

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman

arah memenuhi semua komitmen ASEAN.

Mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan barangan, AEM jelasnya, terus membincangkan bagaimana mereka terus membangunkan kelonggaran tarif serta kemudahan dan inisiatif perdagangan.

AEM telah mencapai kemajuan yang ketara, tambah Yang Berhormat, untuk mengurangkan tarif dan memberi tumpuan bagaimana AEM boleh menangani langkah-langkah bukan tarif yang terus menghalang aliran.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai pelaburan, AEM menyokong protokol meminda perjanjian pelaburan komprehensif ASEAN dan ini adalah bertujuan bagi memperkembangkan prosedur untuk mengubah atau meningkatkan komitmen pelaburan AEM, selain itu, AEM juga melancarkan laman web Pelaburan ASEAN pada tiga hari yang lalu diharapkan akan menyediakan sumber maklumat yang komprehensif untuk perniagaan atau peluang pelaburan di ASEAN.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengongsikan bahawa

kerjasama Ekonomi Luar ASEAN dengan rakan-rakan dialog juga berpeluang untuk bertemu dalam perjumpaan menteri-menteri dari Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, Republik India, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Kanada dan Persekutuan Rusia yang ditemui sama ada dalam konteks kerjasama ASEAN+1 atau lebih meluas seperti ASEAN+3 atau Sidang Kemuncak Kerjasama Timur Asia.

Secara umumnya, jelas Yang Berhormat, dengan perkembangan AEM yang telah berlaku sejak tahun lalu telah mengeratkan lagi hubungan AEM bukan hanya



MEDIA mengajukan pertanyaan ketika sesi Sidang Media Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-45 dan Mesyuarat-Mesyuarat yang berkaitan.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng, selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-45 dan Mesyuarat-Mesyuarat yang berkaitan semasa berucap pada Sidang Media mesyuarat berkenaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

dengan perjanjian perdagangan bebas, tetapi juga lebih menyeluruh melalui inisiatif kerjasama ekonomi yang akan

membantu bagi menggalakan lebih banyak aliran perdagangan dan pelaburan antara negara ASEAN.

Sebagai contoh tambah Yang Berhormat, AEM baru-baru ini menganjurkan jerayawara Menteri Ekonomi ke Amerika Syarikat, di mana AEM melibatkan diri dalam industri dan pihak berkepentingan kerajaan di Los Angeles, SF dan Washington dan dijangka akan mengadakan lagi ke Republik Rakyat China pada Oktober tahun ini.

"Kita juga mengalu-alukan pembangunan ekonomi yang positif dengan Kanada dan Persekutuan Rusia yang mana

kita kini telah mempunyai pelan kerja perspektif yang mengenal pasti bagaimana kita boleh memaksimumkan perkongsian dengan ekonomi utama ini, iaitu dalam perjanjian perdagangan bebas yang sudah menguatkuasakan oleh Republik Rakyat China, Korea, Australia, New Zealand," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media tersebut.

AEM, katanya, juga mengambil maklum bahawa status rundingan yang berterusan dengan Jepun untuk pelaburan perkhidmatan serta menekankan keperluan tersebut akan membuat kesimpulan secepat mungkin.

Pertumbuhan dagangan ASEAN-Australia-New Zealand kukuh



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng membincangkan sesuatu kepada Timbalan Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Luar Perdagangan Australia, Ms. Jane Adams.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos. - Jumlah dagangan dalam rantau ASEAN-Australia-New Zealand mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dalam dagangan serta pelaburan di rantau ini.

Pertumbuhan tersebut mencatatkan 16 peratus jumlah dagangan antara pihak pada tahun 2012 dengan nilai USD78.8 bilion.

Perkara tersebut dinyatakan oleh para menteri yang menghadiri Konsultasi Ke-18 antara Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN dengan Rakan-rakan Ekonomi Dekat (CER) yang terdiri dari Australia dan New Zealand.

Konsultasi tersebut dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II

(Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Timbalan Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Luar dan Perdagangan Australia, Ms. Jane Adams dan Menteri Perdagangan, Menteri Bagi Isu-isu Perubahan Iklim dan Hal Ehwal Bersekutu (Minister of Trade, Minister for Climate Change Issues and Associate Foreign Affairs).

Dalam pelaksanaan Kawasan Bebas Cukai ASEAN - Australia - New Zealand, para menteri mengingatkan bahawa mereka terikat dengan Perjanjian AANZFTA dan menekankan keperluan untuk mengekalkan momentum dan keutamaan yang bersesuaian untuk menyampaikan faedah

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Azmah Haji Ahad

komersial FTA dan meningkatkan dalam pembinaan agenda.

Dalam kenyataan media bersama, menteri-menteri tersebut mengakui jurang dan cabaran dalam pembangunan rangka kerja serantau untuk pemantauan penggunaan FTA dan mencadangkan untuk membawa bersama-sama semua agensi yang berkaitan dan melaksanakan amalan

serta fokus dengan aktiviti dalam negara untuk mengumpul dan melaporkan data mengenai penggunaan keutamaan tarif AANZFTA.

Dalam pada itu para menteri juga menekankan kepentingan dasar persaingan dan undang-undang dalam menyokong pertumbuhan ekonomi dan integrasi dalam ASEAN dan menegaskan keperluan untuk menyediakan hala tuju

strategik bagi kerjasama dalam bidang persaingan di samping meluluskan penubuhan Jawatankuasa Persaingan AANZFTA.

Menyentuh kerjasama ekonomi dalam konsultasi tersebut, para menteri antara lain mengalu-alukan keputusan penyemakan bebas AECS, khususnya dalam penemuan program menjana hasil yang ketara, terutama dari segi pembangunan kapasiti dalam bidang harta intelek, undang-undang asal, SPS, piawaian, perkhidmatan

dan pelaburan, di samping menyokong keutamaan ASEAN seperti pembangunan Komuniti Ekonomi ASEAN serta agenda pembaharuan negara.

Dalam kenyataan itu, para menteri juga gembira dan bersetuju pada perluasan AECS hingga 31 Disember 2015 dan memandang ke hadapan untuk mengukuhkan penglibatan dan menyebarkan hasil AECS kepada semua pihak berkepentingan melalui strategi komunikasi.



PARA menteri bergambar ramai sempena Konsultasi Ke-18 antara Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN dengan Rakan-Rakan Ekonomi Dekat (CER) yang terdiri dari Australia dan New Zealand.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos. - Hasil perdagangan Amerika Syarikat dengan negara-negara anggota ASEAN lebih 83 peratus atau melebihi angka USD200.2 bilion tahun lalu membuatkan ASEAN menjadi rakan keempat terbesar Amerika Syarikat dalam bidang perdagangan.

Malah Pelaburan Langsung Asing (FDI) Amerika Syarikat ke ASEAN tahun lalu telah mencecah jumlah USD6.9 bilion dan ini menjadikan ASEAN di tangga ketiga bagi FDI Amerika Syarikat tahun lalu.

Menurut Menteri Perdagangan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Gita Wirjawan yang sempat ditemu bual wakil PELITA BRUNEI menjelaskan, hasil perdagangan antara ASEAN dan Amerika Syarikat lebih 80 peratus tahun lalu malah berkembang menjelang tahun 2015 nanti.

Sebagai anggota ASEAN katanya, negaranya telah

ASEAN rakan perdagangan keempat terbesar Amerika Syarikat



MENTERI Perdagangan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Gita Wirjawan semasa ditemu bual wakil PELITA BRUNEI.

bersedia untuk menghadapi Masyarakat Ekonomi ASEAN (MEA) pada dua tahun lagi ini terbukti melalui sistem penilaian seluruh masyarakat ASEAN yang rata-rata mencapai 79 peratus.

TYT memberitahu hal itu sejurus menghadiri Konsultasi AEM-USTR sempena berlangsungnya Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-45 di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Mesyuarat telah dipengerusi bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dengan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat, TYT Michael Froman.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Para Menteri Ekonomi pada mesyuarat itu telah memaklumi akan perkembangan perdagangan tersebut di sebalik kuatnya ekonomi sejagat yang tidak menentu, namun perdagangan barangan antara kedua pihak tetap terus kukuh dan stabil.

Selain itu mereka juga membincangkan dua bidang lain iaitu Perjanjian Rangka-kerja Perdagangan dan Pelaburan ASEAN-US (TIFA) dan Kaitan Ekonomi Tambahan atau 'Expanded Economic Engagement (E3).

Melalui perjanjian tersebut mereka sependapat penting-

nya meneruskan kerjasama bagi keutamaan perusahaan kecil dan sederhana di mana satu bengkel 'ASEAN SME Business Ethics Workshop' telah diadakan di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao pada Jun lalu.

Para menteri juga bersetuju untuk melihat selesainya Prinsip-prinsip Perkongsian bagi Pelaburan Antarabangsa pada Sidang Kemuncak Pertama ASEAN-US pada Oktober ini.

Mereka juga menggariskan peluang-peluang yang luas bagi perdagangan dan pelaburan antara kedua rantau

dan dalam hal ini Menteri Ekonomi ASEAN telah melahirkan penghargaan mereka kepada Amerika Syarikat kerana telah menganjurkan Jerayawara AEM pada Jun lalu.

Jerayawara tersebut menu-rut mereka telah menyediakan peluang para Menteri Ekonomi ASEAN untuk berbincang dengan stakeholders yang relevan di Amerika Syarikat seperti pemimpin-pemimpin perniagaan, peneroka pemodal, para pemikir dan wakil-wakil Kongres Amerika Syarikat.

Dalam bidang Persidangan Menteri-Menteri WTO Ke-9, para menteri telah menyedari ekonomi sejagat yang tidak menentu akan berterusan, tetapi mereka menekankan

bahawa perlu ada satu sistem perdagangan pelbagai hala mendasar, pentingnya berterusan bagi memudahkan perjalanan perdagangan antarabangsa dan memastikan pertumbuhan ekonomi sejagat.

Para menteri juga berdialog bagi konsultasi dengan Majlis Perniagaan ASEAN-US, di mana majlis itu telah melaporkan tentang hasil perniagaannya di rantau ASEAN, sambil para menteri memaklumi keterlibatan sektor swasta dalam mengembangkan kerjasama dua hala yang relevan dan merumuskan dasar-dasar kebangsaan yang mungkin menambah bagi perdagangan dan pelaburan antara kedua buah rantau.



SESI Konsultasi AEM-USTR sempena berlangsungnya Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN Ke-45 di Pusat Persidangan Antarabangsa telah memaklumi akan perkembangan perdagangan di sebalik kuatnya ekonomi sejagat yang tidak menentu.

Pertumbuhan perdagangan AEM-Kanada memuaskan



MENTERI Perdagangan Antarabangsa, Kanada, Yang Berhormat Edward Fast, selaku Pengerusi Bersama perbincangan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos. - Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) dan Kanada berpuas hati dengan pertumbuhan perdagangan antara ASEAN dan Kanada walaupun pada masa ini berlaku ketidaktentuan yang berterusan dalam ekonomi global.

Menurut perangkaan perdagangan Kanada antara tahun 2007 dan 2012, hubungan dua hala ASEAN-Kanada dalam perdagangan telah berkembang sebanyak 27.4 peratus yang mana purata lima peratus bagi perkembangan tahunan dan perdagangan dua hala berkenaan bernilai ASD15.8 bilion pada tahun 2012.

Di samping itu, pelaburan Kanada di ASEAN yang melebihi Jepun, China dan India digabungkan pada tahun 2012.

Perkara tersebut dinyatakan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

pada kenyataan bersama Perbincangan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM)-Kanada Kali Ke-2 yang dipengerusi oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Kanada, Yang Berhormat Edward Fast, selaku Pengerusi Bersama perbincangan berkenaan.

Perbincangan yang juga dihadiri oleh Menteri-Menteri AEM dan Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Le Luong Minh itu berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Sementara itu, Yang Berhormat Edward Fast dalam kata alu-aluannya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada ASEAN mengenai kemajuan besar yang telah dibuat ke arah objektif Komuniti Ekonomi ASEAN 2015.

Yang Berhormat juga memuji rakan-rakan ASEAN mengenai usaha-usaha besar mereka ke arah integrasi pasaran dan Kanada berjanji akan sentiasa memberikan sokongan yang berterusan.

Ke arah ini, AEM berpuas hati atas penglibatan Kanada dengan ASEAN dan inisiatif

diambil ke arah mencapai matlamat Pelan Kerja 2012-2015 bagi melaksanakan Pengisytiharan Bersama ASEAN-Kanada mengenai Perdagangan dan Pelaburan.

Rancangan Kerja berkenaan termasuk meningkatkan dialog di peringkat atas mengenai perdagangan dan pelaburan, menggalakkan peningkatan perdagangan dan pelaburan antara ASEAN dan Kanada, serta meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam mempromosikan perdagangan dan pelaburan.

Justeru itu, beberapa aktiviti-aktiviti utama yang saling berkaitan telah dan akan dilaksanakan, termasuk Bengkel Korporat Tanggungjawab Sosial ASEAN-Kanada yang diadakan pada 27 Februari lalu di Republik Singapura; dan penyertaan aktif Kanada di Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN.

Mesyuarat rasmi pertama antara ASEAN dan Kanada telah diadakan pada bulan Februari 1977, di mana pada mesyuarat itu, Setiausaha Negara Kanada bagi Hal Ehwal Luar memaklumkan kepada Pengerusi Jawatan-kuasa Tetap ASEAN mengenai cadangan Kanada untuk melanjutkan program bantuan pembangunan kepada ASEAN.

Komitmen itu kemudian dirasmikan pada tahun 1981

dengan menandatangani Perjanjian Kerjasama Ekonomi ASEAN-Kanada (ACECA) yang berkuat kuasa pada 1 Jun 1982.

Sementara itu, hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Kanada mula terjalin setelah hubungan diplomatik ditubuhkan pada tahun 1984, berikutan dengan kemerdekaan negara ini.

Negara Brunei Darussalam membuka Suruhanjaya Tinggi NBD di Ottawa pada tahun 1995 dan Kanada pula membuka Suruhanjayanya di Bandar Seri Begawan pada tahun berikutnya.

Hubungan dua hala diperkukuhkan lagi melalui Dialog Perkongsian Kanada dengan ASEAN; Brunei sebagai negara penyelaras

bagi Kanada untuk ASEAN dari bulan Julai tahun 2003 hingga Jun tahun 2006.

Kedua-dua negara juga mengambil bahagian dalam Forum Serantau ASEAN yang berkaitan dengan isu-isu keselamatan, di samping itu NBD dan Kanada juga berkongsi keahlian dalam pelbagai forum antarabangsa, termasuk APEC, Komanwel, Pertubuhan Perdagangan Dunia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Negara ini saling bekerja rapat dengan Kanada untuk membantu memulihkan semula hubungan Kanada di rantau ini, dan bantuan berkenaan menjadi penting dalam menganjurkan acara-acara utama, termasuk Mesyuarat Pertama Pegawai Kanan Kanada Ekonomi

ASEAN dan Forum Perniagaan di Toronto pada Mei 2005.

Manakala hubungan perdagangan Kanada dengan Brunei termasuk perdagangan di beberapa sektor dan Brunei terus menjadi pasaran yang berpotensi untuk syarikat-syarikat Kanada, khususnya dalam sektor-sektor seperti minyak dan gas, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pertanian dan agrikultur, alam sekitar, serta aeroangkasa dan pendidikan.

Manakala eksport barangan Kanada ke negara ini pada 2011 berjumlah BND3.7 juta terutama dalam kejenteraan dan pada tahun yang sama, import barangan dari NBD ke Kanada berjumlah BND8.1 juta termasuk bahan kimia organik dan pakaian.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Kanada, Yang Berhormat Edward Fast bergambar ramai bersama menteri-menteri AEM dan Setiausaha Agung ASEAN yang menghadiri mesyuarat berkenaan.

Pengusaha perlu bersedia ceburi bidang baru



PARA pengusaha muda dari negara-negara ASEAN dan China bergambar ramai sebelum Forum Usahawan Muda ASEAN-China (ACYEF) Ke-5, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyarankan para usahawan untuk sentiasa terus meneroka peluang-peluang bagi meraih keuntungan dalam perniagaan.

Menurut Yang Berhormat, ini bermaksud bahawa perbadanan dan perniagaan itu hendaklah mempunyai motivasi untuk mencapai kejayaan agar para pengusaha tidak akan terperangkap di dalam kedudukan

pasaran sendiri yang selesa.

“Anda mestilah bersedia untuk membuat keputusan yang sukar untuk menceburi bidang baru dan yang baru muncul termasuk aktiviti-aktiviti perniagaan perintis,” ujar Yang Berhormat.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menekankan perkara itu semasa menyampaikan ucap ternaik pada Forum Usahawan Muda ASEAN-China (ACYEF) Ke-5, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Perkara kedua, tambah Yang Berhormat, adalah untuk menggu-

nakan strategi yang berbeza dan melakukan perkara-perkara yang berbeza yang perlu diterapkan dalam budaya perniagaan dan operasi para pengusaha itu sendiri.

Yang Berhormat menasihati dan menyarankan pengusaha untuk menjadi usahawan yang berwibawa dan bertanggungjawab secara sosial yang antara lain bermaksud menggabungkan amalan perniagaan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE).

Terdahulu dalam ucap ternaik, Yang Berhormat menjelaskan bahawa China merupakan rakan paling penting kepada ASEAN bagi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

keamanan, kestabilan serta kemakmuran yang mana pembangunan China telah membawa kepada banyak peluang-peluang besar dalam ASEAN.

Dari segi perdagangan pula, jelas Yang Berhormat, menurut Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), China merupakan rakan import dan eksport yang paling teratas bagi ASEAN sekali gus menjadikan China sebagai rakan perdagangan utama bagi ASEAN.

Sementara dalam bidang pelaburan pula tambahnya, pelaburan terus China kepada negara ASEAN berjumlah hampir USD30 bilion, manakala ASEAN kepada China pula melangkaui USD80 bilion sehingga bulan Jun 2013.

“Pembangunan seumpama ini dalam perdagangan dan pelaburan bukan saja telah memberi manfaat kepada ekonomi kedua-duanya, malah juga menyumbang kepada pembangunan perkongsian ASEAN-China,” jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, satu pemerhatian yang jelas dari data perdagangan dan pelaburan tersebut adalah ketidakseimbangan aliran perdagangan dan pelaburan antara China dan ASEAN yang mana China mempunyai lebih dagangan

sebanyak USD8 bilion dari segi perdagangan dan dalam pelaburan pula, pelaburan langsung ASEAN kepada China adalah dua kali ganda berbanding pelaburan langsung China dalam ASEAN.

Sebagai seorang yang datang dari sektor kerajaan, Yang Berhormat menyatakan bahawa ASEAN termasuk Kerajaan China, sama ada secara bebas atau secara perkongsian telah menyediakan campur tangan yang penting dalam menyokong kemajuan usahawan-usahawan rantau ini termasuk dalam menggalakkan pelaburan dan perdagangan yang lebih besar.

Antara campur tangan tersebut jelasnya antara lain adalah dalam bentuk memudahkan akses pada kredit, akses pada peluang pasaran, peluang-peluang pembangunan perniagaan dan kemahiran keusahawanan.

Yang Berhormat yakin usahawan dan komuniti perniagaan telah mendapat faedah daripada program-program sokongan yang diberikan oleh kerajaan-kerajaan ASEAN dan China.

“Saya juga yakin bahawa kerajaan ASEAN dan China akan terus meneroka campur tangan yang lebih baik dan yang lebih inovatif untuk menyokong pembangunan usahawan di rantau ini,” ujar Yang Berhormat.

PKS penting bantu ekonomi, elak kemiskinan rantau ASEAN

Oleh :

Norlia Md. Zain, Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) semangannya berperanan penting terutama bagi negara-negara yang sedang membangun dalam membantu pertumbuhan ekonomi ASEAN, di samping dapat mengelak kemiskinan berlaku dalam kalangan masyarakat serantau.

Pada kesempatan itu, wakil PELITA BRUNEI telah menemui bual beberapa peserta yang menghadiri Sidang Kemuncak Perdagangan dan Pelaburan ASEAN Ke-10 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Presiden Majlis Perniagaan Wanita Negara Brunei Darussalam, Datin Paduka Dayang Hajah Rokiah binti Haji Zakiah ketika ditemui berkata peranan PKS itu mestilah diberi perhatian dan ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan menyertai persidangan ekonomi ASEAN tersebut jelasnya akan menambah lagi pengalaman dan membolehkan beliau berkongsi pendapat dan buah fikiran kepada ahli-ahli yang lainnya.

“Terima kasih kepada pihak pengantar kerana memberi peluang untuk menghadiri persidangan ini yang mana ianya banyak memberi ilmu dan pengetahuan yang berguna kepada saya,” tambahnya.

Sementara Ketua Pegawai Eksekutif dari Perusahaan Alleria Batik, Republik Indonesia, Lisa Mihardja juga menyatakan persidangan ini banyak membantu bagi memperluaskan lagi perniagaan butik yang diceburinya.

“Persidangan Ekonomi ASEAN ini sangat bagus dan memberi manfaat kepada peniaga-peniaga seperti kami,” ujarnya yang kini mempunyai 14 buah cawangan butik Alleria di seluruh negara.

Salah seorang lagi pengusaha Alleria Batik, Republik Indonesia, Ade Kartika yang merupakan Naib Pengarah di butik tersebut menjelaskan persidangan tersebut banyak memberi manfaat dan rangkaian yang berguna yang dapat diguna pakai pada masa akan datang.

“Pada persidangan ini, bukan sahaja kami dapat bertemu dengan pengusaha-pengusaha dari lain-lain negara, malahan kami dapat membuat rangkaian yang lebih luas,” katanya.

Menurut Ade Kartika, negara ini juga mempunyai potensi pemasaran yang baik dan peluang perniagaan yang terbuka luas, kerana penduduk di Brunei kebanyakannya beragama Islam maka ia amat sesuai dengan perniagaan mereka yang berkecimpung dalam perusahaan batik.

Bagi Timbalan Ketua Pengarah Dewan Perniagaan dan Perindustrian Gabungan Asia-Pasifik, Taipei, Taiwan, Amador R.Honrado, JR pula mengongsikan bahawa pembangunan PKS patut diberi perhatian di rantau ASEAN.

“Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu adalah satu panduan yang baik, apatah lagi sekarang penduduk ASEAN sama-sama berganding bahu untuk menjayakan Komuniti ASEAN 2015,” tegasnya.

Menurut beliau, PKS perlu diberi perhatian kerana mereka juga berperanan penting dalam ekonomi serantau dan ahli-ahli ASEAN

semangannya sangat komited untuk mencapai kejayaan Komuniti ASEAN 2015.

“Persidangan ini juga merupakan platform yang baik di mana semua pengusaha berkumpul dan berkenalan antara satu sama lain. Ia sangat baik untuk mereka berkenalan empat mata terlebih dahulu kerana para peniaga perlu menjalin hubungan peribadi yang baik sebelum menaruh kepercayaan kepada seseorang peniaga itu untuk bekerjasama,” jelasnya.

Menerusi persidangan yang dihadiri oleh pengusaha syarikat-syarikat besar ini ujarnya, ia akan memberi manfaat yang baik buat pengusaha kecil antaranya pengusaha syarikat besar dapat memberi bantuan sama ada dari segi kewangan, teknologi dan pemasaran selain pengusaha kecil juga berpeluang untuk menjadi pembekal kepada syarikat-syarikat besar.



TIMBALAN Ketua Pengarah Dewan Perniagaan dan Perindustrian Gabungan Asia - Pasifik, Taipei, Taiwan, Amador R.Honrado, JR.



PRESIDEN Majlis Perniagaan Wanita Brunei, Datin Paduka Dayang Hajah Rokiah binti Haji Zakiah semasa ditemu bual oleh Wakil PELITA BRUNEI.



TIGA wanita dari Perusahaan Batik Alleira, Republik Indonesia, iaitu Ade Kartika, Arlisy Firana dan Lisa Mihardja semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Perdagangan ASEAN +3 meningkat



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng semasa mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Ke-16.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) dan Menteri-Menteri Ekonomi + 3 iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea melahirkan rasa puas hati atas hubungan perdagangan dan pelaburan antara ASEAN dan Negara +3 yang kekal kukuh dalam ekonomi global.

Dalam kenyataan media bersama yang dikeluarkan menyatakan jumlah perdagangan ASEAN dengan Negara +3 mencatatkan peningkatan sebanyak 5.0 peratus berjumlah USD712 bilion pada tahun 2012.

Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan import ASEAN daripada Negara +3 yang meningkat sebanyak 11.0 peratus berjumlah USD389.1 pada tahun 2012.

Walaupun eksport ASEAN untuk Negara +3 menurun sebanyak 1.4 peratus, jumlah perdagangan dengan Negara +3 menyumbang 28.8 peratus daripada jumlah perdagangan ASEAN pada tahun 2012.

Jumlah Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment - FDI) dari Negara +3 kekal pada trend teratas, mencatatkan peningkatan

sebanyak 6.6 peratus berjumlah USD46.7 bilion pada tahun 2012 daripada USD43.8 bilion pada tahun 2011 yang mana aliran FDI dari Negara +3 menyumbang 43.6 peratus daripada jumlah aliran FDI ke ASEAN pada tahun 2012.

Rundingan AEM dan Negara +3 Ke-16 ini dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Perdagangan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Gao Hucheng; Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, TYT Toshimitsu Motegi dan Menteri Perdagangan, Industri dan

Tenaga Republik Korea, TYT Yoon Sang-Jick.

Pada kenyataan media bersama itu, para menteri juga menekankan kepentingan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN Plus One dengan Negara +3 dalam mengukuhkan pertumbuhan ekonomi di Timur Asia terutamanya dalam ekonomi global dan pasaran kewangan dengan meningkatkan permintaan di rantau ini dan menggalakkan pembangunan ekonomi serantau.

Sementara itu, para menteri juga mengambil kira agar ASEAN Plus Three Cooperation Work Plan (2013-2017) disemak semula yang dijangka akan dikemukakan kepada Sidang Kemuncak ASEAN + 3

Ke-16 di Bandar Seri Begawan pada bulan Oktober 2013.

Selain itu, para menteri juga menyatakan cadangan akhir Kumpulan Visi Asia Timur (East Asia Vision Group - EAVG) II dalam membangunkan hala tuju masa depan kerjasama ASEAN +3 untuk 10 tahun akan datang yang telah dikemukakan di Sidang Kemuncak ASEAN +3 Ke-15 pada bulan November 2012 di Kemboja.

Menteri-menteri juga telah mengadakan perbincangan bersama Delegasi Majlis Perniagaan Asia Timur (East Asia Council Delegation) dengan melaporkan keputusan kerja-kerja untuk melakukan perniagaan di rantau Timur Asia.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) semasa sesi bergambar ramai bersama rakan-rakan sejawatan dan rombongan yang menghadiri Rundingan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) +3 Ke-16.

ASEAN sediakan pelan strategik ACSS 2016-2020



PEMANGKU Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Pengiran Hajah Rosnah binti Pengiran Haji Damit semasa berucap merasmikan Mesyuarat Ke-5 Sub-Komiti Sistem Perangkaan Komuniti ASEAN Mengenai Perancangan dan Penyelarasan (ACSS-SCPC).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Isu-isu bagi mengesahkan cadangan seperti draf garis panduan ASEAN mengenai dasar-dasar perkongsian data, kerahsiaan dan penyebaran statistik bagi pelaksanaan kod amalan penilaian diri dan mekanismenya menjadi fokus perbincangan pada Mesyuarat Ke-5 Sub-Komiti Sistem Perangkaan Komuniti ASEAN Mengenai Perancangan dan Penyelarasan (ACSS-SCPC).

Antara agenda mesyuarat yang diadakan di sebuah hotel di Gadong termasuk membincangkan pengaturan pelaksanaan terperinci program peminjaman kakitangan serta garis panduan bagi menjalankan kajian

separuh penggal ACSS Multi-Year Action Plan 2011-2015 dan perediaan bagi Pelan Strategik ACSS 2016-2020.

Mesyuarat dirasmikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Hajah Rosnah binti Pengiran Haji Damit.

Semasa berucap pada majlis tersebut, Pengiran Hajah Rosnah berkata Pejabat Statistik Kebangsaan negara anggota ASEAN telah menyediakan data masing-masing untuk penyatuan statistik ASEAN kepada pelbagai kumpulan pengguna agar mereka boleh memahami dan membuat analisis keadaan ekonomi, demografi, sosial dan alam sekitar ASEAN.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Azmah Haji Ahad

“Apabila negara-negara dalam ASEAN menjadi lebih bersepadu, permintaan untuk data yang lebih terperinci semakin meningkat,” jelasnya.

Beliau menambah, sebagai tindak balas, statistik ASEAN mestilah boleh dipercayai, tepat dan relevan dan yang lebih penting harmoni dari segi metodologi dan klasifikasi.

Penyebaran data juga jelasnya adalah sangat mustahak bagi memastikan komunikasi yang berkesan terhadap statistik yang berkaitan dengan kumpulan-kumpu-

lan pengguna yang berbeza.

“Kami menekankan kepentingan yang sangat tinggi untuk konsultasi dan kerjasama dalam semua bidang khususnya dalam bidang statistik ASEAN,” ujarnya.

Mesyuarat tiga hari yang dianjurkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ini disertai oleh pegawai-pegawai kanan daripada Pejabat Perangkaan Kebangsaan negara anggota ASEAN termasuk pegawai-pegawai dari Sekretariat ASEAN itu dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah

Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Abd. Amin bin Haji Hashim.

Mesyuarat kali ini juga adalah sebagai persediaan bagi Mesyuarat ACSS Sesi Ketiga yang akan berlangsung pada 10-12 September 2013 nanti di negara ini.

Komiti ACSS bertanggungjawab bagi mengukuhkan kerjasama perangkaan dalam menyokong Komuniti ASEAN, dan menyediakan bimbingan profesional mengenai penghasilan, penyebaran dan perhubungan statistik ASEAN.

Mesyuarat ACSS Sesi Ketiga pada bulan September nanti akan dihadiri oleh ketua-ketua di Pejabat Perangkaan Kebangsaan ASEAN dan beberapa perwakilan daripada pertubuhan statistik antarabangsa.



SESI bergambar ramai bersama delegasi dan para perwakilan yang menghadiri Mesyuarat Ke-5 ACSS-SCPC.

FDI Jepun ke ASEAN meningkat 26.4 peratus

Oleh :

Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) Jepun berpuas hati dengan peningkatan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dari Jepun ke negara-negara ASEAN yang meningkat sebanyak 26.4 peratus daripada USD16.4 bilion pada tahun 2011 kepada USD20.8 bilion pada tahun 2012.

Jepun kekal sebagai sumber kedua terbesar FDI bagi ASEAN dengan penguasaan hampir satu per lima daripada jumlah pelaburan masuk ke ASEAN pada tahun 2012.

Dalam kenyataan media bersama, para menteri juga menyatakan, prestasi perdag-

angan dua hala dan pelaburan ASEAN-Jepun untuk tempoh 2011-2012 dalam bidang perdagangan menunjukkan menurun sebanyak 4.0 peratus daripada USD273.3 bilion pada tahun 2011 kepada USD262.4 bilion pada tahun 2012.

Penurunan ini adalah disebabkan oleh kejatuhan dalam eksport ASEAN ke Jepun sebanyak 13.0 peratus daripada USD145.2 bilion pada tahun 2011 kepada USD126.3 bilion pada tahun 2012.

Manakala import ASEAN dari Jepun mencatatkan peningkatan sebanyak 6.2 peratus daripada USD128.1 pada tahun 2011 kepada USD136.1 bilion pada tahun 2012.

Perbincangan AEM-METI Jepun Ke-19 ini dipengerusi bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, Tuan Yang Terutama Toshimitsu Motegi.

Para menteri juga mengesahkan komitmen untuk menggalakkan lagi perdagangan dan pelaburan antara ASEAN dan Jepun menerusi pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun (AJCEP), selain menekankan kepentingan untuk sentiasa mencari jalan bagi memudahkan aliran perdagangan barangan di bawah AJCEP untuk menggalakkan penggunaannya.

Di samping itu, para menteri juga menekankan kepentingan pelaksanaan

aktiviti yang mantap di bawah Pelan Strategik Kerjasama Ekonomi 10 Tahun ASEAN-Jepun disahkan pada AEM METI Ke-18 pada tahun 2012, bagi mengukuhkan hubungan ASEAN dan Jepun kepada pasaran lebih bersepadu dan rangkaian pengeluaran, selain menggalakan kemajuan dalam aktiviti kerjasama ekonomi yang disenaraikan dalam pelan tersebut.

Selain itu, para menteri juga berpuas hati dengan hasil dialog antara Setiausaha Agung ASEAN dan Persekutuan Dewan Perdagangan Perdagangan dan Industri Jepun di ASEAN (Federation of Japanese Chambers of Commerce and Industry in ASEAN - FJCCIA) Ke-6 yang diadakan pada 12 Julai 2013 di Hanoi, Viet Nam dan menekankan bahawa peningkatan persekitaran perniagaan di ASEAN akan



SESI bergambar ramai Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) Jepun di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

memberi manfaat kepada ASEAN dan Jepun untuk bersetuju mengambil kira permintaan FJCCIA yang akan dikemukakan pada dialog seterusnya pada tahun 2014 ke dalam usaha-usaha untuk mengukuhkan integrasi ekonomi pada tahun 2015 dan seterusnya.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) dalam ucapannya semasa

mempengerusikan perbincangan tersebut menjelaskan, masih terdapat banyak potensi untuk bekerjasama dalam bidang ekonomi antara ASEAN dan Jepun yang mana perbincangan ini akan memberi peluang untuk mencari jalan bagaimana untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi yang sangat baik dan menghasilkan kesimpulan perbincangan yang sangat produktif.

Perdagangan ASEAN - Korea 2012 meningkat 5.2 peratus



RUNDINGAN kesepuluh antara Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) dan Menteri Perdagangan Republik Korea mengenai perdagangan dua hala antara ASEAN dan Korea pada tahun 2012 yang lalu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Rundingan kesepuluh antara Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) dan Menteri Perdagangan Republik Korea mengambil maklum bahawa menurut statistik, perdagangan dua hala antara ASEAN dan Korea pada tahun 2012 meningkat 5.2 peratus berjumlah USD131.0 bilion

berbanding USD124.5 pada tahun sebelumnya.

Rundingan tersebut diadakan pada hari kedua Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-45 dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Berakas, di sini.

Sementara itu, para menteri juga mengambil maklum

Pelaburan Langsung Asing (FDI) dari Korea kepada ASEAN menurun untuk tahun kedua berturut-turut dari USD2.4 bilion dalam tahun 2011 kepada USD1.9 bilion pada tahun 2012 (Korea merupakan sumber FDI keenam terbesar ASEAN).

Berlatarbelakangkan ekonomi global yang rapuh,

menteri-menteri menekankan kepentingan mengekalkan momentum perdagangan dan pelaburan dua hala.

Ke arah mencapai matlamat ini, menteri-menteri memuji usaha-usaha Komite Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea (AKFTA) dalam meningkatkan perdagangan ASEAN-Korea dalam perjanjian barangan yang boleh memberikan nafas baru kepada perdagangan dan pelaburan dua hala melalui liberalisasi produk di landasan yang sensitif (Sensitive Track) selain menangani masalah dalam perjanjian timbal balik (*reciprocal*), di samping menghapuskan halangan bukan tarif dan memperkenalkan langkah-langkah memudahkan perdagangan.

Pada masa yang sama, para menteri berpuas hati dengan penyelesaian dari pindaan kepada Prosedur Pensijilan Operasi (Operational Certification Procedures) bagi 'Rules of Origin',

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

yang akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2014 dan kerja-kerja yang berterusan untuk memudahkan peraturan produk tertentu.

Menteri-menteri juga menekankan bahawa inisiatif tersebut adalah membanggakan kerana mereka menggalakkan penggunaan pilihan tarif di bawah AKFTA itu.

Para menteri juga mengambil maklum mengenai kajian yang sedang berjalan ketika ini daripada Perjanjian Perkhidmatan Perdagangan ASEAN-Korea serta selesainya kajian bersama terhadap kesan Ekonomi Perjanjian Perkhidmatan Perdagangan ASEAN-Korea yang akan dijadikan sumber dalam melaksanakan penilaian Perjanjian TIS.

Selain itu para menteri juga

meluluskan pengaktifan semula kumpulan kerja mengenai pelaburan yang telah ditugaskan untuk memulakan kerja pada program kerja yang merupakan sebahagian daripada agenda yang sudah ditetapkan di bawah perjanjian pelaburan ASEAN-Korea.

Rundingan kesepuluh antara Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) dan Menteri Perdagangan Republik Korea itu dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Perdagangan Republik Korea, Tuan Yang Terutama Yoon Sang-jick.

Brunei tumpuan pengusaha muda ASEAN - China



FORUM Usahawan Muda ASEAN-China 2013 (ACYEF) untuk menyokong visi ASEAN ke arah integrasi ekonomi melalui pertukaran antara masyarakat dan pelaburan yang menjadi tumpuan kepada 200 pengusaha muda di seluruh ASEAN dan Republik Rakyat China.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Negara Brunei Darussalam menjadi tumpuan kepada 200 pengusaha muda dari seluruh ASEAN dan Republik Rakyat China bagi menghadiri Forum Usahawan Muda ASEAN-China 2013 (ACYEF) untuk

menyokong visi ASEAN ke arah integrasi ekonomi melalui pertukaran antara masyarakat dan pelaburan.

ACYEF Ke-5 yang diselenggarakan oleh Persatuan Usahawan Muda Brunei itu diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas sela-

ma tiga hari bermula 19 hingga 21 Ogos 2013 ini.

Turut menyampaikan ucapannya pada pembukaan forum ini ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Dengan tema forum tahun ini, 'Memperbahui Prospek Bagi Pertumbuhan' akan menyediakan para usahawan dengan peluang-peluang untuk memikirkan kemajuan ekonomi dan prospek bagi mengukuhkan hubungan perniagaan antara negara-negara ASEAN dan China.

Di samping itu, forum juga akan menyediakan peluang untuk membincangkan isu-isu yang boleh membantu usahawan mengambil manfaat daripada perkembangan pasaran dan peluang yang timbul daripada perjanjian Perdagangan Bebas China-ASEAN (CAFTA).

Persatuan ACYEF yang ditubuhkan pada tahun 2008 merupakan sebuah persatuan

bebas yang tidak mengaut keuntungan dan berfungsi sebagai platform serantau yang mana usahawan dari rantau ini dan Republik Rakyat China boleh bertukar-tukar maklumat mengenai kerjasama serta pembangunan hubungan perdagangan dan ekonomi antara negara-negara jiran.

Presiden Persatuan Usahawan Muda Brunei, Dayang Hafimi binti Abdul Haadii @ Frances yang juga selaku Pengerusi ACYEF Ke-5 menjelaskan, sejak Bengkel Usahawan ASEAN-China dan ACYEF kali pertama pada tahun 2008 di Negara Brunei Darussalam dan di Republik Rakyat China telah menyaksikan pertemuan rangkaian usahawan muda dalam ASE-

AN - China.

Persatuan Usahawan Muda ASEAN-China ditubuhkan secara rasminya dengan menandatangani perlembagaan ACYEF pada tahun 2010 dengan meneruskan aspirasi pemimpin-pemimpin untuk menggalakkan lebih banyak interaksi antara orang-orang muda di ASEAN dan China.

Antara ahli panel yang dijemput menjayakan forum ini termasuk Pengurus Operasi, Ideal Food Industries Sdn Bhd, Brunei Darussalam, Dayang Hajah Norizmah binti Haji Morshidi; Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Mahkota & Presiden HIPMI, Republik Indonesia, Encik Raja Sapta Oktahari; Pengarah Eksekutif, Cho Heng Rice Co Ltd, Thailand, Khun Kraisin Vongsurakrai; Ketua Pegawai Eksekutif, Sakae Holdings Ltd, Republik Singapura, Douglas Foo dan Presiden Usahawan Muda Persatuan Laos, Vally Vesaphong.

Kerjasama Brunei - Singapura dalam bidang pendidikan cemerlang

Berita dan Foto :
Ihsan Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menerima kunjungan muhibah dari rakan sejawat Menteri Pendidikan Singapura, Yang Berhormat Heng Swee Keat, berlangsung di Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Menteri Pendidikan Singapura berada di negara ini bagi menyertai rombongan Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura yang juga Menteri Penyelaras Bagi Keselamatan Nasional dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean yang mengadakan kunjungan rasmi empat hari ke Negara Brunei Darussalam bermula 19 hingga 22 Ogos 2013.

Dalam kunjungan tersebut, perbincangan tertumpu kepada jalinan persahabatan yang erat khususnya dalam bidang pendidikan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

Kedua-dua menteri juga membincangkan usaha dan isu-isu berkepentingan bersama yang antara lain perkembangan dalam kumpulan kerja antara kedua-dua buah negara yang bermula sejak tahun 2006 (kedua-dua kementerian memeterai satu Memorandum Persefahaman), kemajuan

dalam pengajian tinggi, pendidikan awal kanak-kanak dan perkembangan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura mempunyai hubungan yang telah lama terjalin sebelum hubungan diplomatik secara rasmi ditubuhkan pada tahun 1984.

Kerjasama dalam bidang pendidikan menunjukkan hubungan yang sangat cemerlang bilamana wujudnya pertukaran pelajar dan guru, program berkembar, lawatan sambil belajar, program-program pembinaan kapasiti dalam pengajaran, pembelajaran dan kepimpinan pendidikan serta penempatan kerja.

Dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar yang berpotensi dalam pembangunan negara dan bakal pemimpin masa depan, Kerajaan Negara Brunei Darussalam juga menghantar pelajar-pelajar negara ini ke Republik Singapura di beberapa buah institusi pendidikan.

Turut hadir dalam kunjungan muhibah ini, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) merangkap Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menerima kunjungan muhibah daripada Menteri Pendidikan Singapura, Yang Berhormat Heng Swee Keat.

Terus kukuhkan hubungan dalam bidang kebudayaan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menerima kunjungan hormat dari Pemangku Menteri Kebudayaan, Kemasyarakatan dan Belia yang juga Menteri Kanan Negara Kementerian Perhubungan dan Informasi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus mengukuhkan hubungan dua hala dalam berbagai bidang termasuk bidang kebudayaan, kemasyarakatan, dan belia.

Hal ini antara lain dibincangkan bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dengan Pemangku Menteri Kebudayaan, Kemasyarakatan dan Belia yang juga Menteri Kanan Negara Kementerian Perhubungan dan Informasi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

Perbincangan kedua menteri itu terkandung dalam kunjungan hormat TYT Lawrence Wong

kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berlangsung di pejabat Yang Berhormat, di sini.

Selain berbincang mengenai tiga perkara di atas, kedua menteri juga membincangkan hal kepentingan bersama memandangkan negara ini dan Republik Singapura telah menjalin hubungan dua hala sejak sekian lama.

TYT Lawrence Wong dan rombongan berada di negara ini mengikuti delegasi Republik Singapura bagi sesi Dialog Belia yang diadakan di negara ini.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar dan beberapa pegawai kanan dari KKBS dan Republik Singapura serta wakil Duta Besar Republik Singapura ke negara ini.

SVNR terima lawatan delegasi Republik Singapura



KETIBAAN Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura yang juga Menteri Penyelaras Bagi Keselamatan Nasional dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan rombongan delegasi di SVNR dialu-alukan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Ogos. - Timbalan Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean mengadakan lawatan ke Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam (SVNR), Kampung Lambak Kanan, Lebuh raya Muara-Tutong, di sini.

Ketibaan TYT Timbalan Menteri Republik Singapura dan rombongan delegasi di perkarangan SVNR dialu-alukan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Juga mengalu-alukan ketibaan rombongan tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Terdahulu, TYT dan rombongan yang terdiri daripada beberapa Menteri Kanan, Menteri-Menteri Kerajaan dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dari Republik Singapura diberikan taklimat mengenai transformasi Pendidikan

Teknik yang disampaikan oleh Dr. Chin Wei Keh dari Negara Brunei Darussalam.

TYT dan rombongan delegasi juga melawat kemudahan dan bengkel yang disediakan seperti Bengkel Elektrik dan Elektronik di Bangunan Blok 'D', Bahagian Pemasangan Paip, Penyusunan Batu-Bata, Pameran Reka Bentuk, Pameran Pembuatan Perabot dan Kabinet serta Bahagian Kosmetologi.

SVNR adalah salah sebuah institusi vokasional dan teknikal yang ketujuh di negara ini yang menyediakan program-program vokasional dan teknikal bagi jurusan juruteknik dan kemahiran pelbagai peringkat bagi lepasan sekolah.

Pada masa ini, SVNR menawarkan 18 program dan seramai 799 pelajar berdaftar di sekolah tersebut.

Dengan adanya lawatan tersebut akan memantapkan lagi kerjasama pendidikan di kedua-dua buah negara, di samping memberikan peluang untuk perkongsian pembelajaran dalam kalangan guru dan pemimpin sekolah serta berkongsi amalan terbaik dari kedua-dua buah negara tersebut.

Kerjasama Brunei - Singapura diperkukuh

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura yang juga Menteri Penyelaras Bagi Keselamatan Negara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean.

Perjumpaan yang berlangsung di bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanalkhalid, di sini menandakan persefahaman dan kerjasama yang erat antara dua buah negara berjiran dan merupakan satu peluang untuk bertukar-tukar pandangan dan maklumat dalam

perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Selepas perjumpaan tersebut, Tuan Yang Terutama dan rombongan diraikan dalam Majlis Jamuan Makan Malam yang diberikan oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Majlis turut dihadiri oleh isteri TYT, Puan Teo-Chew Poh Yim; Menteri Pendidikan, TYT Heng Swee Keat; Pemangku Menteri Kebudayaan, Kemasyarakatan dan Belia dan Menteri Kanan Negara, Kementerian Perhubungan dan Informasi, TYT Lawrence Wong; Menteri Kanan Negara, Kementerian Perdagangan dan Industri dan Kementerian Pembangunan Nasional, TYT Lee Yi Shyan; Menteri Kanan Negara, Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, TYT Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad; Menteri Kanan Negara, Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Pendidikan, Puan Yang Terutama Indranee Rajah; Menteri Negara, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan, TYT Josephine Teo; Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengangkutan, TYT Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, TYT Jaya Ratnam.

Juga hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bersama isteri masing-masing, ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN dan jempunan-jemputan khas yang lain.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji. Mohd. Yusoff semasa mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura yang juga Menteri Penyelaras Bagi Keselamatan Negara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean.

Segeralah mengqadha puasa Ramadhan yang terluput

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

BERLALU bulan Ramadhan bukan bermakna patahnya harapan dan semangat bagi para pencari redha Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Segala amalan yang dilakukan sepanjang bulan Ramadhan boleh saja dilanjutkan hingga pada bulan-bulan selepasnya. Amalan membaca al-Qur'an, bersedekah, membantu keperluan anak yatim dan sebagainya janganlah terhenti dengan berakhirnya bulan Ramadhan. Ganjaran pahalanya tetap ada, walau gandaan pahala atau ganjarannya tidaklah menyamai seperti di bulan Ramadhan.

Namun antara semua perkara yang tidak boleh diabaikan apabila berlalunya bulan Ramadhan adalah untuk melunaskan sejumlah puasa Ramadhan yang terluput jangan sampai datang pula bulan Ramadhan tahun yang seterusnya sehingga menyebabkan seseorang itu terpaksa mengeluarkan fidyah kerana kelalaiannya dalam mengqadha puasa Ramadhan yang ditinggalkannya.

Mengqadha Puasa Ramadhan Satu Kewajipan

Puasa Ramadhan yang ditinggalkan adalah wajib diqadha sebanyak hari yang ditinggalkan tidak kira sama ada puasa itu ditinggalkan dengan sengaja atau kerana keuzuran syara'.

Puasa yang ditinggalkan disebabkan keuzuran syara' seperti perempuan yang didatangi haidh atau disebabkan sakit tidaklah wajib diqadha dengan segera. Walau bagaimanapun sunat baginya mengqadha dengan segera kerana perkara ini lebih baik sebagai tujuan berjaga-jaga dan berhati-hati.

Perlulah diingat adalah berdosa hukumnya

bagi orang yang melengah-lengahkan qadha puasa Ramadhan sehingga masuk ke bulan Ramadhan yang baru tanpa ada keuzuran yang menyebabkan dia tidak dapat mengqadhanya seperti sakit yang berpanjangan. Selain itu adalah harus baginya melakukan qadha puasa itu dengan berselang seli harinya. Namun begitu sunat baginya mengqadha hari puasa yang ditinggalkannya secara berturut-turut.

Manakala bagi orang yang berbuka puasa dengan sengahja tanpa keuzuran syara' adalah diwajibkan mengqadha puasa yang ditinggalkannya itu dengan segera. Kerana sesiapa yang berbuka puasa dengan sengahja adalah fasik, dan wajib ke atasnya bertaubat dengan segera untuk melepaskan dirinya daripada kefasikan itu. Tidaklah sah taubatnya itu melainkan jika dia mengqadha kesemua puasa yang ditinggalkannya dengan sengaja itu. Jika dia melengah-lengahkan qadha puasa itu tanpa keuzuran, nescaya dia berterusan dalam kefasikan. Berterusan dalam kefasikan itu merupakan suatu dosa.

Hari-Hari Yang Dbolehkan Mengqadha Puasa Ramadhan

Puasa qadha' bulan Ramadhan harus dikerjakan pada bila-bila masa sahaja dan tiada hari yang menjadikannya makruh untuk dikerjakan. Waktu yang ditegah untuk mengerjakan puasa qadha' hanyalah pada hari-hari yang diharamkan berpuasa. Hari-hari yang disebutkan makruh berpuasa di dalam kitab-kitab Feqh hanyalah untuk puasa sunat sahaja seperti melakukan puasa sunat pada hari Sabtu semata-mata atau pada hari Ahad semata-mata.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* adalah harus mengqadha puasa Ramadhan pada sepanjang tahun kecuali pada hari-hari yang diharamkan berpuasa iaitu pada bulan Ramadhan, pada Dua Hari Raya iaitu hari

Raya 'Idilfithri dan Hari Raya 'Idiladha dan pada hari-hari Tasyriq iaitu pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Adapun bagi sebilangan orang yang keliru mengenai mengqadha puasa pada hari Syak ; tidaklah ada halangan melakukan puasa qadha pada hari tersebut, begitu juga dengan puasa wajib yang lain seperti puasa *kaffarah* dan puasa nazar.

Bolehkah Melakukan Puasa Sunat Jika Puasa Qadha Belum Dilunaskan ?

Menurut para ulama Syafi'eyah, tidak harus bahkan haram bagi orang yang meninggalkan puasa tanpa keuzuran syar'ie mengerjakan puasa-puasa sunat kecuali setelah selesai mengqadha puasa yang tertinggal itu.

Puasa-puasa sunat hanya boleh dilakukan oleh orang yang mengerjakan puasa Ramadhan sebulan penuh dan juga dikerjakan oleh orang yang tidak berpuasa Ramadhan sebulan penuh disebabkan keuzuran yang diharuskan oleh syara' seperti perempuan haid dan nifas, musafir yang diharuskan berbuka atau orang sakit.

Bolehkah Puasa Qadha Disatukan Dengan Puasa Sunat ?

Bagi orang yang tidak berpuasa disebabkan keuzuran yang diharuskan oleh syara' sebagaimana di atas, maka diberikan peluang bagi mereka untuk mengqadha puasa seterusnya mendapatkan pahala sunat dengan melakukan kedua-dua puasa (puasa qadha dan puasa sunat) sekali gus seperti melakukan puasa qadha, di samping Puasa Sunat Enam di bulan Syawal.

Cara melakukan kedua puasa itu sekali gus ialah orang tersebut hendaklah berniat bagi kedua-duanya iaitu puasa qadha dan puasa sunat tersebut dengan tujuan bagi mendapatkan ganjaran kedua-duanya sekali iaitu ganjaran

puasa qadha dan ganjaran puasa sunat.

Ibn Hajar Al-Haitami *Radhiyallahu 'anhu* dalam fatwanya menjelaskan, mengenai orang yang berniat puasa sunat bersama puasa wajib seperti di atas dengan katanya, **maksudnya :** *"Jika diniatkan keduanya (puasa sunat dan puasa wajib) dia mendapat ganjaran bagi kedua-duanya atau dia berniat salah satunya maka gugur tuntutan yang satu lagi dan tidak mendapat ganjarannya."*

Oleh yang demikian orang yang berniat puasa wajib hendaklah dia berniat juga puasa sunat jika dia ingin mendapat ganjaran pahala keduanya. Tetapi jika dia berniat hanya bagi puasa sunat sahaja atau puasa wajib sahaja, maka dia hanya akan mendapat ganjaran bagi puasa yang diniatkannya sekalipun ia dilakukan pada hari yang bertepatan antara puasa wajib dan puasa sunat itu.

Sebagai kesimpulan, segeralah lunaskan puasa Ramadhan yang terluput sama ada ditinggalkan secara sengahja atau kerana keuzuran syar'ie kerana menyegerakan mengqadha puasa akan mengelak kita dari melalaikan qadha puasa. Jangan sampai terjadi kita tidak sempat mengqadhanya. Akibatnya, bukan sahaja kerugian harta kerana mengeluarkan fidyah, bahkan dosa juga ditimpakan kerana mengabaikan suruhan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

WALLAHU'ALAM

Puasa Enam di bulan Syawal



PUASA Enam hari di bulan Syawal selepas mengerjakan puasa wajib bulan Ramadhan adalah satu amalan sunat yang dianjurkan oleh Islam dan bukannya suatu perkara yang dihukumkan wajib. Umat Islam adalah dianjurkan untuk menunaikan Puasa Enam hari di bulan Syawal kerana sesiapa yang menunaikannya pasti akan menerima ganjaran pahala yang besar bagi puasa ini, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim dari Abu Ayyub Al-Anshari *Radhiyallahu 'anhu* telah meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

"Barangsiapa berpuasa penuh di bulan Ramadhan lalu menyambung dengan Puasa Enam hari di bulan Syawal, maka pahalanya seperti ia berpuasa selama setahun."

Hal seumpama ini juga dinyatakan dalam

hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bazzar dari Abu Hurairah *Radhiyallahu 'anhu*, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

"Barangsiapa berpuasa Ramadan kemudian disambung dengan enam hari di bulan Syawal, maka ia bagaikan telah berpuasa selama setahun."

Pahala puasa bulan Ramadan yang disambung dengan Puasa Enam hari di bulan Syawal adalah menyamai pahala puasa satu tahun penuh, kerana setiap kebaikan akan diberikan ganjaran sepuluh kali lipat, sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam An-Nasaie dan Ibnu Majah bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

"Allah telah melipatgandakan setiap kebaikan dengan sepuluh kali ganda. Puasa bulan Ramadhan setara dengan berpuasa sebanyak sepuluh bulan. Dan Puasa Enam hari bulan Syawal yang menggenapkannya satu tahun."

Semua amalan sunat adalah sebagai penampal mana-mana kekurangan dalam amalan fardu. Sayugialah kita mengambil peluang ini untuk berpuasa enam hari di bulan Syawal. Selain mendapat pahala puasa setahun, kita juga dapat memperbaiki kekurangan dalam ibadat puasa bulan Ramadan.

Bagi kaum perempuan yang tidak dapat

berpuasa penuh dalam bulan Ramadan kerana kedatangan haid, Puasa Sunat Enam hari dalam bulan Syawal ini memberi peluang terbaik untuk mengqadha, di samping mendapatkan pahala berpuasa sunat. Kebiasaan melambatkan qadha sehingga hampir Ramadan akan datang adalah satu amalan yang tidak sepatutnya dilakukan, kerana amalan wajib jika ditinggalkan mestilah disegerakan sebagai menunjukkan sikap pengabdian diri kita terhadap Allah Subhanahu Wata'ala. Apakah makna dan tujuan kita melambatkan qadha puasa wajib? Ini menunjukkan seolah-olah kita merasa keberatan untuk menunaikan kewajipan yang telah kita tinggalkan. Bukankah Allah tahu apa yang tersirat di hati kita?

Antara hikmah dan manfaat Puasa Enam hari di bulan Syawal ialah :

1. Puasa Enam hari di bulan Syawal merupakan pelengkap dan penyempurna pahala dari puasa setahun penuh, setelah menunaikan puasa Ramadan.

2. Salah satu faedah terpenting dari perlaksanaan puasa enam hari bulan Syawal ini adalah menutupi kekurangan puasa wajib pada bulan Ramadan. Sebab puasa yang kita lakukan pada bulan Ramadan pasti tidak terlepas dari kekurangan atau dosa yang dapat mengurangi keutamaannya. Pada Hari Kiamat

kelak akan diambil pahala puasa sunat tersebut untuk menutupi kekurangan puasa wajib. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud yang bermaksud :

"Amal ibadah yang pertama kali dihisab pada Hari Kiamat adalah sembahyang. Allah Subhanahu Wata'ala berkata kepada Malaikat - sedang Dia Maha Mengetahui tentangnya : Periksalah ibadah sembahyang hamba-hambaKu, apakah sempurna ataukah kurang. Jika sempurna maka pahalanya ditulis dengan sempurna. Jika kurang, maka Allah memerintahkan Malaikat: Periksalah apakah hambaKu itu mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat? Jika ia mengerjakannya maka tutupilah kekurangan sembahyang wajibnya dengan sembahyang sunat. Begitu pulalah dengan amal-amal ibadah lainnya."

Natijah dari amalan puasa ialah taqwa dan kasih akan Allah Subhanahu Wata'ala. Tanda kasih akan Allah ialah berkhidmat kepada-Nya. Siapa mencintai Allah dia akan berbahagia di alam Akhirat, sebaliknya siapa mencintai dunia dan isinya, ketahuilah dunia akan meninggalkan kita. Kelazatan dunia walaupun bagus tetapi ia tidak kekal. Ia berakhir sebaik saja kita menemui ajal. Sebaliknya kelazatan Akhirat kekal abadi tanpa batasan waktu.



Takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala

Allah Subhanahu Wata'ala. Di dalam Al-Qur'an terdapat banyak ayat menyebutkan tentang takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, contohnya firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ahzab ayat 39, tafsir-Nya : *"Nabi-nabi yang telah lalu itu ialah orang-orang yang telah menyampaikan syariat Allah serta mereka takut melanggar perintah-Nya dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah. Dan cukuplah Allah menjadi penghitung segala yang dilakukan oleh makhluk-makhluk-Nya untuk membalas mereka."*

Dari ayat tersebut jelas menunjukkan betapa kita tidak perlu ada perasaan takut kepada sesiapa pun kecuali kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan memiliki rasa takut kepada Allah, kita akan memperoleh keberuntungan yang besar, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nuur ayat 25, tafsir-Nya : *“Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah serta menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan.”*

Jika perasaan takut ada pada diri seseorang hambanya, maka sudah tentu akan menggerakkan hati hamba itu untuk berbuat kebaikan, mentaati perintah Allah, dan menolak segala kejahatan. Jika ia hampir berbuat kejahatan, ia akan segera bertaubat memohon ampun kepada Allah

Subhanahu Wata'ala kerana ia sedar bahawa azab dan seksa Allah Subhanahu Wata'ala amat pedih. Tetapi berapa banyakkah orang yang sanggup mengaku kesalahannya? Sebaliknya berusaha merahsiakannya dan menyembunyikannya agar tidak diketahui orang. Perubahan ini sebagai bukti sifat takut yang ada bukan kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Apakah yang menyebabkan berlaku sedemikian tidak lain adalah kerana takut maruahnya tercemar, takut dicela orang, takut mendapat aib, tetapi jangan lupa bahawa Allah Subhanahu Wata'ala melihat apa jua yang dilakukan oleh hamba-hamba-Nya.

Ketahuiilah bahawa orang-orang yang takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala akan berusaha memperbanyakkan amal solehnya, berusaha memelihara dirinya dari berbuat sebarang perbuatan dosa dan maksiat dan akan sentiasa berdoa semoga dirinya mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Insaan ayat 10 - 11, tafsir-Nya : *“Kami sebenarnya takutkan Tuhan kami, takut ia kenakan kami azab hari yang padanya muka orang-orang yang bersalah : Masam berkerut-kerut. Dengan sebab mereka menjaga diri dari kesalahan, maka Allah selamatkan mereka dari kesengsaraan hari yang demikian keadaannya, serta memberikan kepada mereka keindahan yang berseri-seri di muka dan perasaan ria gembira di hati.”*

Memandangkan rasa takut kepada Allah itu adalah suatu yang sangat penting dalam kehidupan manusia, maka sudah seharusnya kita menyemai dan menanamkan rasa takut itu kedalam jiwa dan perasaan kita untuk sentiasa merasa takut kepada-Nya, yang dengan itu akan mendidik kita menjadi orang yang patuh dan taat kepada apa jua perintah dan larangan-Nya. Namun bagaimanakah caranya untuk kita menimbulkan perasaan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu? Terdapat beberapa cara yang boleh kita lakukan untuk berbuat demikian. Antaranya ialah :

Pertama : Mengambil ikhtibar daripada kisah-kisah yang telah diceritakan dalam ayat-ayat dan hadith-hadith tentang perbuatan-perbuatan yang mendatangkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala yang dilakukan orang-orang yang terdahulu yang ingkar dan tidak patuh kepada perintah-Nya, baik yang

diterima semasa di dunia mahupun ketika di Akhirat kelak. Antaranya sebagaimana yang diceritakan dalam Surah Al 'Ankabuut ayat 39, tafsir-Nya : *“Dan ingatkanlah juga peristiwa kebinasaan Qarun dan Firaun serta Haman.*

Dan demi sesungguhnya Nabi Musa telah datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan mukjizat yang jelas nyata, lalu mereka berlaku sombong takkabur di bumi (mendustakannya) pada hal mereka tidak dapat melepaskan diri dari azab Allah. Maka masing-masing kami binasakan dengan sebab dosanya, iaitu di antaranya ada yang kami hantarkan angin-angin ribut, menghujannya dengan batu dan ada yang dibinasakan dengan letusan suara menggemgemparkan bumi, dan ada yang kami tembuskan dia di bumi, dan ada pula yang kami tenggelamkan di laut. Dan ingatilah Allah tidak sekali-kali menginyaya mereka, akan tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.”

Kedua : Untuk menimbulkan perasaan takut kepada Allah, kita hendaklah menyadari betapa seksa dan pedihnya azab Allah di Akhirat kelak. Salah satu gambaran yang pernah disabdakan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tentang betapa dahsyat seksa Neraka adalah perbandingan panasnya api di dunia dengan api di Akhirat.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya : *“Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu : Dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: Api yang kami nyalakan di dunia ini adalah satu bahagian dari tujuh puluh bahagian panasnya Neraka Jahaman. Para sahabat berkata : Demi Allah api di dunia ini saja sudah amat panas Ya Rasulullah. Baginda lalu bersabda : Memang, Api Neraka itu masih lebih panas lagi dengan enam puluh sembilan kali bahagian panasnya, setiap bahagian sama suhu panasnya dengan api di dunia ini.”*

Selain merasa bahang panas dan azab seksa Neraka Jahannam yang sangat dahsyat itu, orang-orang yang ingkar dan berdosa itu juga akan berada di dalamnya dalam jangka waktu yang berbeda-beda lamanya, bahkan ada pula yang kekal di dalamnya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An Naba' ayat 21 - 28, tafsir-Nya : *“Sesungguhnya Neraka Jahannam adalah untuk orang-orang yang melampaui batas hukum Tuhan, sebagai tempat kembalinya mereka yang tinggal di dalamnya berkurun-kurun lamanya. Mereka tidak dapat merasai udara yang sejuk di dalamnya. Dan tidak pula sebarang minuman kecuali air panas yang menggelegak dan air danur yang mengalir sebagai balasan yang sesuai dengan amal mereka yang buruk kerana sesungguhnya mereka dahulu tidak menaruh ingatan terhadap hari perhitungan amal.”*

Ketahuiilah sifat takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu mesti ada pada diri seseorang hamba kerana ia amat penting dalam kehidupan kita di dunia ini, bahkan sifat takut itulah yang menjadi penggerak atau pendorong dari melakukan maksiat dan kemungkaran. Semoga dengan demikian Allah akan kasih dan melindungi kita dari azab seksa-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Mulk ayat 12, tafsir-Nya : *“Sesungguhnya orang-orang yang takut melanggar hukum Tuhan-Nya semasa mereka tidak dilihat orang dan semasa mereka tidak melihat Tuhan, mereka beroleh kemapunan dan pahala yang besar.”*


KETAHUILAH sifat takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu mesti ada pada diri seseorang hamba kerana ia amat penting dalam kehidupan kita di dunia ini, bahkan sifat takut itulah yang menjadi penggerak atau pendorong dari melakukan maksiat dan kemungkaran. Semoga dengan demikian Allah akan kasih dan melindungi kita dari azab seksa-Nya.

وقت سمبهيڻ داعيره برونى موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحى										
وقت سمبهيڻ ، امساك ، شوروق دان ضحى باغي داعيره برونى موارا دري هاري سبتو 24 اوگوس 2013 برسامان دغن 17 شوال 1434 هيڻك كهاري جمعه 30 اوگوس 2013 برسامان 23 شوال 1434 ادائه سقرت دباوه اين:										
عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساك	هجريه شوال	هاري	مسيحي آكوس
7 . 41	6 . 30	3 . 36	12 . 24	6 . 39	6 . 15	4 . 57	4 . 47	17	سبتو	24
7 . 40	6 . 30	3 . 35	12 . 24	6 . 38	6 . 15	4 . 57	4 . 47	18	احد	25
7 . 40	6 . 30	3 . 34	12 . 24	6 . 38	6 . 15	4 . 57	4 . 47	19	اثنين	26
7 . 39	6 . 29	3 . 33	12 . 23	6 . 38	6 . 14	4 . 57	4 . 47	20	ثلاث	27
7 . 39	6 . 29	3 . 32	12 . 23	6 . 38	6 . 14	4 . 57	4 . 47	21	رابعو	28
7 . 38	6 . 28	3 . 31	12 . 23	6 . 37	6 . 14	4 . 57	4 . 47	22	خميس	29
7 . 38	6 . 28	3 . 30	12 . 22	6 . 37	6 . 14	4 . 57	4 . 47	23	جمعه	30



Kenali GEMS

CARA MEMOHON CUTI DAN KELUAR NEGERI MELALUI GEMS



Brunei DPMM FC seri 1-1 menentang Balestier Khalsa FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat menyaksikan perlawanan di antara Brunei DPMM FC dan Balestier Khalsa FC.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos. - Jaringan cantik Tales Dos Santos pada minit ke-81 berjaya menambah satu mata bagi Brunei DPMM FC dalam siri Liga S di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berkenan berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka



AKSI perlawanan di antara pemain Brunei DPMM FC dengan pemain Balestier Khalsa FC cukup menarik dan penuh dramatik.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berkenan berangkat menyaksikan perlawanan di antara Brunei DPMM FC dan Balestier Khalsa FC.

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim serta kerabat diraja yang lain.

Perlawanan separuh masa pertama Brunei DPMM FC lebih menguasai permainan akan tetapi jentera serangan hanya terlepas beberapa peluang keemasan antara pada minit ketiga dan keempat, namun sayang pertahanan Balestier Khalsa FC bertindak cemerlang menyelamatkan gawang mereka.

Tapi malang salah seorang pertahanan Brunei DPMM FC membuat sentuhan bahaya dengan menjatuhkan pemain

Balestier Khalsa FC di kawasan terlarang menyebabkan pengadil, Jansen Foo menghadihkan sepakan penalti pada minit ke-16 yang tidak disia-siakan oleh Qui Li seterusnya Balestier Khalsa FC mendahului 1 - 0 hingga berakhir separuh masa pertama.

Bersambung separuh masa kedua Jurulatih Brunei DPMM FC, Vjeran Simunic membuat pertukaran pemain bagi memantapkan lagi jentera serangan dengan membawa masuk Adi Said.

Ternyata usaha ini membuat resah pertahanan Balestier Khalsa FC setelah Adi Said dapat membawa perubahan, apabila gandingannya Tales Dos Santos berjaya merobek gawang lawannya pada minit ke-81 dengan jaringan cantik setelah menerima hantaran dari kiri lalu mengawal sebelum membuat rembatan masuk ke gawang yang gagal dicapai penjaga gol, Zaiful Nizam.

Dengan gol semangat

itu Brunei DPMM FC terus menggandakan serangan bagi mencari gol kedua, namun sayang hanya tercipta beberapa peluang keemasan kerana pertahanan dan penjaga gawang dapat mengawal dari dibolosi.

Kedudukan 1 - 1 kekal hingga tamat perlawanan sekali gus Brunei DPMM FC mengutip 24 mata daripada 19 perlawanan, sementara 32 mata bagi Balestier Khalsa FC dengan 20 permainan.

Perlawanan Brunei DPMM FC seterusnya ialah pada 25 Ogos ini menentang Tampines Rovers FC di tempat yang sama, keputusan lain Alberix Nigata FC berjaya mengikat Tampines Rovers 3 - 3 di Clementi Stadium.

Setakat ini Tampines Rovers FC mengisi tangga teratas Liga S dengan 44 mata setelah 19 perlawanan dan Young Lions terus muram berada di tangga terbawah dengan hanya tiga mata juga daripada 19 perlawanan.

Pendaftaran Kelas Akademik Sesi 2014

BAHAGIAN Pendidikan Lanjutan Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa pengedaran borang pendaftaran Kelas Akademik bagi sesi pembelajaran 2014 pengambilan pertama Daerah Brunei dan Muara akan dibukakan mulai 2 sehingga 30 September 2013.

Sementara itu pendaftaran kursus akan bermula 1 hingga 7 Oktober 2013, pukul 8.30 hingga 11.00 pagi bertempat di Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong BE1310, Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat mengikuti kursus dan dokumen yang disertakan adalah: Terdiri daripada lepasan sekolah; Warganegara / Penduduk Tetap / Warga Asing (kad pintar hijau) yang berumur 15 tahun ke atas; Bayaran pas sebanyak BND3; Wang bayaran pendaftaran kursus mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Pemohon juga dikehendaki menyertakan dua keping gambar berukuran kad pengenalan; satu salinan kad pengenalan; satu salinan sijil kelulusan; dan satu salinan sijil berhenti sekolah.

Untuk makluman lanjut, sila hubungi Bahagian Pendidikan Lanjutan di talian nombor 2422493/2422290.

Pelajar UBD anjur Larian dan Berbasikal Amal

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Ogos. - Pelajar tahun ketiga Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang sedang menjalani Program Masyarakat (Outreach Community Programme - COP) di SMARTER Brunei akan menganjurkan Projek Larian dan Berbasikal Amal, 'Run Fun FBEPs and Cycle 2013' pada Ahad ini, 25 Ogos.

Selain bertujuan untuk mengumpul dana bagi SMARTER Brunei, projek tersebut juga dihasratkan bagi meningkatkan kesedaran terhadap autisme dan yang paling penting menggalakkan orang ramai untuk bergerak ke arah gaya hidup yang lebih baik dan sihat.

Acara yang akan mengambil tempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah itu akan bermula pukul 7.00 pagi dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu Larian Sejauh 5.5 Kilometer dan Berbasikal 42 Kilometer dan para peserta hanya dibolehkan mendaftar salah satu daripadanya sahaja yang mana cabutan bertuah menanti pada akhir acara tersebut.

Sebagai peringatan kepada orang ramai, koleksi untuk 'T-Shirt' boleh dibuat pada hari Jumaat, 23 Ogos dari pukul 9.00 hingga 11.30 pagi dan 2.30 hingga 6.00 petang dan di hari berikutnya 24 Ogos dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap perpisahan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap perpisahan S.E Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Laksamana TNI Dato Paduka Seri Agus Suharto (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap istri Panglima TNI, Datin Ibu Tetty Agus Suhartono. Kedua-dua majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Oleh : Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap perpisahan S.E Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Laksamana TNI Dato Paduka Seri Agus Suhartono yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Yang Terhormat Laksamana TNI Dato Paduka Seri Agus Suhartono berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan perpisahan sebelum persaraan beliau.

Mengiringi Yang Terhormat

ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Handriyo Kusumo Priyo; Asisten Teritorial Panglima TNI, Mejar Jeneral TNI S. Widjonarko dan Asisten Komlek Panglima TNI, Laksamana Muda TNI Slamet Yulistiyono.

Turut hadir pada Majlis Mengadap Perpisahan itu ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sementara itu di ruang yang lain, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran

Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Panglima TNI, Datin Ibu Tetty Agus Suhartono. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Mengiringi Datin ialah isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Ibu Sri Rejeki Handayani Handriyo; isteri Asisten Teritorial Panglima TNI, Ibu Lilis S. Widjonarko dan isteri Asisten Komlek Panglima TNI, Ibu Soemarti Yulistiyono.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah isteri Pemerintah ABDB, Datin Nurhayana Janis binti Abdullah.

Juga hadir ialah Datin Paduka Dayang Hajah Maimunah binti Dato Paduka Haji Elias.



Brunei DPMM FC seri 1-1 menentang Balestier Khalsa FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkesempatan menyaksikan perlawanan di antara Brunei DPMM FC dan Balestier Khalsa FC. - Foto : Masri Osman. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 23).

Penetapan jawatan Pesuruhjaya Polis yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Ogos. - Pada menjunjung titah



PESURUHJAYA Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor.

perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd.

Noor ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya sebagai Pesuruhjaya Polis bagi menggantikan Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, yang telah menamatkan perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Polis pada 4 Ogos 2013.

Penetapan jawatan Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor sebagai Pesuruhjaya Polis berkuat kuasa mulai hari Jumaat, 15 Syawal 1434 Hijrah bersamaan 23 Ogos 2013.

Pengurusan CBRNE perlu latihan berterusan

Dari muka 1

Dalam usaha ini beliau melahirkan kegembiraan mengetahui bahawa semua peserta dalam bengkel tersebut pada dasarnya berjaya dalam menyusun peranan penyelarasan masing-masing.

Oleh itu, tambahnya, penyelarasan perlu dipertingkatkan lagi dengan latihan berterusan seperti ini ke arah usaha mempertingkatkan kemampuan tindak balas CBRNE khususnya dalam menangani insiden yang sukar.

Bengkel lima hari bermula 19 Ogos sehingga 23 Ogos 2013 itu disertai oleh lebih 80 pegawai dan perwakilan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan termasuk perwakilan Amerika Syarikat.

Antara lain bengkel

bertujuan menyokong usaha-usaha yang dibuat oleh Negara Brunei Darussalam untuk mencapai tahap kesiapsediaan terhadap ancaman CBRNE semasa Sidang Kemuncak ASEAN yang akan datang pada penghujung Oktober ini.

Di samping itu, bengkel

juga dihasratkan agar dapat membantu meningkatkan kemampuan dan penyelarasan negara dari segi tenaga kerja dan teknologi, selain memberi pendedahan yang perlu kepada peserta mengenai ancaman CBRNE ke arah keselamatan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji A. Rashid menyampaikan sijil kepada seorang peserta Bengkel Pengurusan CBRNE.

'REBUT PELUANG KELEBIHAN PUASA ENAM'

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.